

**PENGARUH FAKTOR SOSIOEKONOMI TERHADAP  
PENCAPAIAN PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN  
BAHASA INGGERIS**

**Kertas Projek ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah untuk  
memenuhi sebahagian daripada keperluan pengajian  
ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)  
Universiti Utara Malaysia**

**Oleh :**

**Lokuin Bt. Gintos**

**LOKUIN BT. GINTOS, 1998. Hakcipta Terpelihara.**



**Sekolah Siswazah  
(Graduate School)  
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK  
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(I, the undersigned, certify that)

LOKUIN BT. GINTOS

calon untuk Ijazah  
(candidate for the degree of) Sarjana Sains (Pengurusan)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk  
(has presented his/her project paper of the following title)

PENGARUH FAKTOR SOSIOEKONOMI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR


DALAM MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek  
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,  
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.  
(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory  
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia  
(Name of Supervisor): Prof. Madya Tuan Hj. Abdul Razak Ismail

Tandatangan  
(Signature)



Tarikh  
(Date)

: 29/06/98

## **KEBENARAN MENGGUNA**

Dalam menyerahkan kertas projek ini, sebagai memenuhi keperluan pengajian ijazah Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju supaya pihak perpustakaan UUM mempamer kertas projek ini bagi tujuan rujukan. Saya bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran penyelia saya, atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini, untuk tujuan pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat di dalam kertas projek ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dibuat dengan menulis kepada:

**Dekan**

**Sekolah Siswazah**

**Universiti Utara Malaysia**

**06010 Sintok**

**Kedah Darul Aman**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara faktor sosioekonomi dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Tingkatan Empat di Daerah Tuaran/Tamparuli Sabah berdasarkan pencapaian Bahasa Inggeris PMR (Penilaian Menengah Rendah) 1997. Objektif kajian ialah untuk melihat hubungan di antara pencapaian Bahasa Inggeris dengan pembolehubah-pembolehubah yang dipilih seperti taraf sosioekonomi keluarga, demografi, kemudahan pembelajaran, sokongan, dan komitmen ibu bapa. Perbezaan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah berdasarkan ciri-ciri demografi dan pengaruh pembolehubah kajian terhadap pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Seramai 120 orang responden dari empat buah sekolah gred A di Daerah Tuaran/Tamparuli telah terpilih untuk kajian ini. Lima belas hipotesis telah dibina. Kaedah-kaedah statistik seperti Korelasi Pearson, Ujian-t, Analisis Varian Sehala (ANOVA) dan Regresi Berganda telah digunakan bagi mengkaji hipotesis-hipotesis ini.

Keputusan kajian mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan di antara pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR dengan pembolehubah seperti faktor sosioekonomi, peketjaan, pendapatan dan pendidikan ibu bapa, bahasa pertuturan dan tempat tinggal masa belajar. Kedua, tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan beberapa ciri demografi pelajar seperti jantina, kaum, lokasi sekolah dan lokasi tempat tinggal (tempat asal) pelajar. Ketiga, terdapat hubungan yang signifikan di antara bilangan adik beradik, kemudahan pembelajaran, jenis sekolah rendah dan mula belajar Bahasa Tnggeris. Keempat tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan komitmen ibu bapa. Cadangan-cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan prestasi pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris pada masa akan datang.

## ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the relation between socio-economic factor with English Language subject among Form Four Students of Tuaran/Tamparuli Sabah as measured by the PMR English Language achievement. The objectives of this study were to investigate the relation between English Language achievement and the selected variables such as family socio-economic status, learning facilities and parents commitment. The differences of the English Language achievement among the students based on their demographic factors and the influences of independent variables on the PMR English Language achievement.

One hundred twenty respondents from four grades A secondary school in Tuaran/Tamparuli District was chosen to carry out the research. Fifteen research hypotheses were develop for this study. Statistical tool such as Pearson Coefficient Correlation, t-test, Oneway Analysis Variance (ANOVA) and Multiple Regression was used to test these hypotheses.

The results of this study revealed there were significant differences between English Language subject achievement and independent variables such as socio-economic factor, parents occupation, parents income and parents education, language is use at home and place where student stay while schooling. Secondly, there was no significant differences based on students demographic such as gender, race, school location and students home locations. Thirdly, there were significant relation between family size, learning facilities, type of primary school and starting learning English Language. Fourthly, there were no significant relation between parents commitment with English Language achievement.

The information gleaned by the present study was used to make recommendations for higher English Language performance at the future.

## PENGHARGAAN

Saya dengan rasa penuh kesyukuran ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak **Pengarah Institut Aminuddin Baki** yang telah memberi peluang kepada saya untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan akademik dan iktisas. Ilmu yang diperolehi dapat memberi manfaat amat bermakna dalam karier sebagai Pegawai Perkhidmatan Awam.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada **Profesor Madya Tuan Haji Abdul Razak Ismail** selaku penyelia kertas projek yang telah sanggup meluangkan masa untuk memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan kepada saya semasa menyiapkan penyelidikan ini.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada **semua pensyarah** yang telah banyak mencurahkan ilmu dan tunjuk ajar. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada **rakan-rakan Kohort - 6 Program Kembar IAB/UUM** yang telah banyak memberikan bantuan dan kerjasama dalam berbagai aspek sepanjang tempoh pengajian saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada suami tercinta **Justine** di atas segala sokongan dan dorongan sepanjang pengajian, serta anak-anak saya iaitu **Effikah** dan **Elsa** yang menjadi sumber inspirasi dan kasih sayang yang tidak terhingga. Semoga kita semua diberkati oleh Yang Maha Esa.

LOKUIN BT. GINTOS  
Sekolah Siswazah  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok  
Kedah Darul Aman.

## ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACK	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
<b>BAB SATU : PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Kepentingan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Batasan Kajian	13
<b>BAB DUA : ULASAN KARYA</b>	<b>16</b>
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Definisi Istilah	16
2.3 Ulasan Karya	18
2.4 Kesimpulan	29

<b>BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN</b>	32
3.1 Populasi Kajian	32
3.2 Sampel kajian	32
3.3 Kerangka Konseptual	33
3.4 Hipotesis Kajian	34
3.5 Instrumen Kajian	37
3.6 Sumber Data	39
3.7 Tatacara Kajian	39
3.8 Tatacara Analisis Data	40
3.9 Kajian Rintis	42
<b>BAB EMPAT: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	44
4.1 Latar Belakang Responden	44
4.2 Pengujian Hipotesis	54
4.3 Kesimpulan	66
<b>BAB LIMA: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	68
5.1 Perbincangan	68
5.2 Implikasi dan Cadangan	85
5.3 Masalah Penyelidikan	88
5.4 Cadangan-cadangan untuk kajian akan datang	89
5.5 Rumusan	90
BIBLIOGRAFI	92
LAMPIRAN A	97
LAMPIRAN B	103
LAMPIRAN C	105
LAMPIRAN D	106

## SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Muka surat
Jadual 1.1	Jenis Kaum Daripada Pelbagai Etnik Dan Keturunan Di Sabah	8
Jadual 1.2	Perbandingan Peratus Pencapaian Mata Pelajaran PMR Tahun 1997 Di antara Kebangsaan Dengan Negeri Sabah	10
Jadual 1.3	Sekolah-sekolah Menengah Daerah Tuaran/Tamparuli	13
Jadual 1.4	Taburan Pelajar Tingkatan Empat Daerah Tuaran/Tamparuli	14
Rajah 3.1	Kerangka Konseptual	34
Jadual 3.2	Maklumbalas Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris	38
Jadual 4.1	Latar belakang responden berdasarkan lokasi sekolah dan tempat tinggal	45
Jadual 4.2	Latar belakang responden berdasarkan jantina	45
Jadual 4.3	Latar belakang responden berdasarkan pekerjaan ibu bapa	46
Jadual 4.4	Latar belakang responden berdasarkan pendapatan ibu bapa	47
Jadual 4.5	Latar belakang responden berdasarkan pendidikan ibu bapa	48
Jadual 4.6	Latar belakang responden berdasarkan bangsa ibu bapa	48

Jadual 4.7	Latar belakang responden berdasarkan bahasa pertuturan	49
Jadual 4.8	Latar belakang responden berdasarkan tempat tinggal semasa belajar	50
Jadual 4.9	Latar belakang responden berdasarkan bilangan adik beradik	50
Jadual 4.10	Latar belakang berdasarkan jenis sekolah	51
Jadual 4.11	Latar belakang responden berdasarkan mula belajar Bahasa Inggeris	51
Jadual 4.12	Latar belakang berdasarkan mula belajar Bahasa Inggeris	51
Jadual 4.13	Latar belakang responden berdasarkan kursus motivasi	52
Jadual 4.14	Latar belakang responden berdasarkan bengkel/menjawab soalan Bahasa Inggeris	53
Jadual 4.15	Latar belakang responden berdasarkan media elektronik	53
Jadual 4.16	Latar belakang responden berdasarkan kelas tuisyen	54
Jadual 4.17	Latar belakang responden berdasarkan tempat belajar selesa	54
Jadual 4.18	Perbezaan lokasi sekolah dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	55
Jadual 4.19	Perbezaan di antara jantina dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	56
Jadual 4.20	Perbezaan di antara kaum dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	56
Jadual 4.21	Perbezaan di antara Bahasa Pertuturan dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	57

Jadual 4.22	Perbezaan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	58
Jadual 4.23	Perbezaan di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	58
Jadual 4.24	Perbezaan di antara pendapatan ibu dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	59
Jadual 4.25	Perbezaan di antara pendapatan bapa dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	59
Jadual 4.26	Perbezaan di antara pendidikan ibu dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	60
Jadual 4.27	Perbezaan di antara pendidikan bapa dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	60
Jadual 4.28	Perbezaan di antara lokasi tempat tinggal dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	61
Jadual 4.29	Hubungan di antara bilangan adik beradik dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	61
Jadual 4.30	Perbezaan di antara tempat tinggal pelajar semasa belajar dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	62
Jadual 4.31	Hubungan di antara jenis sekolah rendah dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	63
Jadual 4.32	Hubungan di antara masa mula belajar Bahasa Inggeris dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	63
Jadual 4.33	Hubungan di antara kemudahan pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	64
Jadual 4.34	Hubungan di antara komitmen ibu bapa dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR	65
Jadual 4.35	Keputusan ujian statistik Regresi Berganda	65
Jadual 4.36	Rumusan keputusan kajian hipotesis	67

# **BAB SATU**

## **Pengenalan**

### **1.1 Pendahuluan**

Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai perubahan dan perkembangan. Begitu juga halnya dengan kedudukan Bahasa Inggeris yang telah ditukarkan statusnya daripada bahasa pengantar kepada bahasa kedua yang diajar sebagai satu mata pelajaran (Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, dirujuk oleh Jamalludin Ishak, 1992 : m.s 206). Penukaran status Bahasa Inggeris ini berlaku secara beransur-ansur selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 iaitu sejak dasar bahasa pengantar diubah mulai pada tahun 1970 yang telah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat persekolahan ( Hussein Haji Ahmad, 1993 : m.s 66). Proses penukaran ini mengambil masa yang lama terutama bagi setengah-setengah tempat di Sabah dan sarawak. Walaupun negara kita telah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara, namun kepentingan penguasaan dalam Bahasa Inggeris masih perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Tujuan pengajaran Bahasa Inggeris antara lain ialah untuk mewujudkan masyarakat yang boleh menggunakan bahasa itu bagi perhubungan yang berkesan bila keperluan timbul dan sebagai kunci kepada pengalaman yang lebih luas (Balaetham K, 1975), dalam *Isu Pendidikan Di Malaysia*. Menurut Asmah Haji

Omar (1984: m.s 41) Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang menjadi sumber ilmu pengetahuan untuk mempertahankan taraf akademiknya. Beliau juga menyatakan bahawa Bahasa Inggeris dipilih untuk hubungan antarabangsa dalam bidang diplomasi, perdagangan dan juga profesional.

Menurut Shahrir Mohammad Zain (1994: m.s 213) keperluan Bahasa Inggeris memang diakui benar kerana sumber ilmu sekarang antaranya memang dalam Bahasa Inggeris. Beliau menjelaskan bahawa pelajar-pelajar universiti yang mahu cemerlang perlu merujuk kepada buku-buku dalam bidang pengajian mereka yang lebih 90% dalam Bahasa Inggeris. Hal ini berlaku bukan saja dalam bidang sains dan teknologi tetapi juga dalam bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan. Oleh sebab itu, penguasaan Bahasa Inggeris perlu diberi penekanan menerusi pelbagai cara. Ini bukanlah bermaksud kita perlu menukar dasar menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara kita, tetapi harus merancang pelbagai program dan strategi yang dapat membantu pelajar-pelajar menguasai bahasa tersebut untuk tujuan dan kepentingan tertentu.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah di antara mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar dalam semua peringkat persekolahan. Sebagai bahasa kedua, Bahasa Inggeris wajib dipelajari oleh pelajar-pelajar tetapi mereka tidak diwajibkan lulus dalam mata pelajaran itu (Laporan Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1979). Menurut Hussein Haji Ahmad, 1993) Bahasa Inggeris diajarkan di semua sekolah rendah dan menengah sebagai satu mata pelajaran yang wajib tetapi tidak menjadi syarat untuk memperoleh sijil seperti SRP, SPM dan STPM. Dasar tersebut mempunyai implikasi negatif di kalangan pelajar seperti yang dinyatakan oleh Jamalludin Ishak (1992 : m.s

206) menyebabkan pelajar-pelajar menganggap bahawa mata pelajaran itu tidak penting terutama sekali di kalangan pelajar-pelajar luar bandar yang sememangnya kurang terdedah dengan penggunaan dan pertuturan dalam Bahasa Inggeris. Ini menyebabkan mereka tidak bersungguh-sungguh mempelajari bahasa tersebut. Pendapat ini disokong oleh Ainon Ahmad (1985 : m.s 225) yang menyatakan bahawa di bandar-bandar, masyarakatnya maju dengan bahasa asing, manakala di luar bandar masyarakatnya mundur dengan bahasa-bahasa setempat.

Tempoh masa Bahasa Inggeris mula diajar di sekolah rendah di negara kita adalah tidak sama di mana ianya bergantung kepada jenis sekolah rendah. Di sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan, pengajaran Bahasa Inggeris dimulakan sejak dari darjah satu lagi. Manakala di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan tamil, pengajaran Bahasa Inggeris dimulakan pada darjah 3 ( Hussein Haji Ahmad, 1993 : m.s 66).

Kajian tentang prestasi pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan SRP pada tahun 1986 telah mendapati bahawa tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah rendah iaitu hanya 8% sahaja yang mendapat gred C6 ke atas, 35% gred P7/8 dan 57% gred F9 ( Jamalludin Ishak, 1992 : 213). berdasarkan tinjauan tentang penilaian guru terhadap kemampuan pelajar dalam kemahiran mendengar dan bertutur di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat di Selangor yang melibatkan sekolah bandar dan luar bandar pada tahun 1986/87, mendapati bahawa terdapat jurang perbezaan pencapaian di antara sekolah bandar dan luar bandar. Jamalludin Ishak (1992 : m.s 208) menyatakan bahawa taraf pencapaian Bahasa Inggeris yang rendah dan semakin menurun serta kegagalan segolongan pelajar Melayu menguasai Bahasa Inggeris.

Berdasarkan kajian-kajian yang pernah dilakukan samada di dalam atau di luar negara berkaitan dengan pencapaian akademik termasuklah pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, mendapati bahawa pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh berbagai faktor. Di antaranya ialah latar belakang keluarga, status sosioekonomi, sikap, persekitaran sosial, kualiti sekolah, kelompok sebaya dan sebagainya.

Jamalludin Ishak, (1992 : m.s 211) telah menjelaskan bahawa terdapat dua golongan pelajar Bahasa Inggeris di Malaysia. Pertama pelajar di bandar atau separuh bandar dan kedua pelajar di luar bandar atau kawasan pedalaman. Golongan pertama menerima pendedahan bahasa yang luas dan mencukupi dan dapat menerima hakikat bahawa Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Sementara, golongan kedua pula amat kurang menerima pendedahan terhadap Bahasa Inggeris. Selain daripada pendedahan yang tidak cukup, pelajar di luar bandar pula mempunyai sikap negatif terhadap Bahasa Inggeris. Sikap ini diterima daripada alam keliling mereka. Di samping itu mereka juga tidak perlu bertutur atau berhubung dalam Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian.

## **1.2 Latar belakang Masalah**

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan jelas membuktikan bahawa salah satu daripada faktor kelemahan atau yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar termasuklah dalam Bahasa Inggeris ialah faktor sosioekonomi. Faktor sosioekonomi adalah ditentukan berdasarkan kepada taraf pekerjaan, pendidikan dan pendapatan ibu bapa pelajar. Ketiga-tiga unsur ini mempengaruhi

sikap, persepsi dan suasana persekitaran rumah yang seterusnya memberi kesan terhadap perkembangan kanak-kanak dalam sesebuah keluarga.

T.Marimuthu (1996) menyatakan bahawa sosioekonomi atau kelas sosial keluarga merupakan unsur penelah yang paling tekal dan kukuh bagi menentukan kebolehan kanak-kanak di sekolah. Tambah beliau lagi, taraf sosioekonomi dan pencapaian akademik menunjukkan hubungan yang positif iaitu semakin tinggi taraf sosioekonomi ibu bapanya, maka tinggilah pencapaian akademik kanak-kanak itu. Taraf sosioekonomi bukan sahaja unsur penentu yang tepat bagi pencapaian kanak-kanak di sekolah, tetapi juga merupakan penyebab kepada ketidakhadiran, ponteng, keciciran, kemunduran dalam pelajaran, penglibatan dalam kegiatan luar darjah, jumlah hari persekolahan dan lain-lain ciri kejayaan.

Masalah-masalah pendidikan pelajar-pelajar daripada taraf sosioekonomi yang rendah boleh dilihat daripada berbagai aspek seperti latar belakang keluarga, kemudahan dan kekurangan yang terdapat, pengaruh-pengaruh yang tidak mendorong kepada pembelajaran yang positif dan juga peranan ibu bapa dalam pembelajaran. Jamalludin Ishak (1992) menyatakan bahawa ibu bapa juga memainkan peranan yang penting bagi menentukan pencapaian pelajar. Ibu bapa luar bandar kurang memahami kepentingan Bahasa Inggeris dalam kehidupan anak-anak mereka pada masa akan datang. Pada umumnya, mereka hanya bersikap 'neutral' dan membiarkan sahaja anak-anak mereka mencari dan mengenal pasti apa yang mereka perlukan. Mereka juga lebih pasif daripada ibu bapa di bandar. Perasaan dan sikap seperti ini tidak dapat membantu anak-anak mereka yang berasa kurang yakin dan bersikap rendah diri apabila mempelajari bahasa tersebut.

Pencapaian akademik pelajar-pelajar yang rendah mempunyai hubungan dengan taraf sosioekonomi keluarga di kawasan luar bandar yang masih jauh ketinggalan dari segi pembangunan dan pengaruh-pengaruh yang dapat mendorong kepada pembelajaran. Ibrahim Abu Shah (1995) dalam kajian tentang kesedaran dan prestasi pelajar luar bandar terhadap pembangunan sumber manusia di Sarawak menyatakan bahawa ;

"kekurangan fungsi kenal huruf ibu bapa luar bandar mencerminkan keadaan persekitaran keluarga sangat terhad dan dengan sebab itu terdapat sedikit motivasi bagi mereka untuk mencapai jenis tingkah laku yang rasional yang dapat mempertingkatkan kuasa dan autonomi mereka dalam mencari penyelesaian bagi masalah mereka" (m.s 20)

Pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang tinggi akan memperolehi pencapaian akademik yang tinggi kerana keluarga yang mempunyai pendidikan, pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik mampu menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran yang lebih selesa. Di samping itu mereka lebih komited terhadap pencapaian akademik anak-anak mereka dengan sentiasa memberi sokongan dan memberikan alat bantu pembelajaran bahan-bahan rujukan samada bahan bercetak atau alat media elektronik. Laporan kajian keciciran Kementerian Pendidikan Malaysia (1973) menjelaskan bahawa orang-orang yang bertaraf tinggi mempunyai cita-cita berkenaan pendidikan, pekerjaan, kurang percaya pada nasib dan selalu pandang ke hadapan. Berbanding dengan pelajar-pelajar daripada taraf sosioekonomi yang rendah di mana menghadapi masalah kewangan dan dorongan yang dapat membantu pencapaian akademik.

Menurut laporan kajian Kementerian Pendidikan Malaysia (1973), pelajar-pelajar daripada keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi tinggi ada kelebihan lain seperti kemahiran percakapan atau kemahiran lisan, ia boleh bertutur

lebih baik, mengetahui lebih banyak perkataan dan kemahiran penaakulan. Sementara pelajar-pelajar daripada keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah serta tidak mempunyai pendidikan, tidak mempunyai orientasi-orientasi yang tepat yang membolehkan mereka memajukan perkembangan intelek. Kelambatan perolehan bahasa seseorang kanak-kanak adalah berpunca daripada kurang pendedahan kepada pengalaman yang sepatutnya daripada keluarganya. Di samping itu, bahasa pasar, bahasa daerah dan bahasa basahan merupakan punca masalah pembelajaran bahasa ( Jais Sahok & Mat Nor Husin, 1990 : m.s 30 ).

Dilihat dari segi pencapaian akademik yang merujuk khas kepada pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris jelas menunjukkan perbezaan pencapaian di antara kaum yang terdapat di Malaysia. Kajian Isahak Haron (1983) mendapati pencapaian pelajar kaum Cina adalah lebih baik berbanding dengan kaum Melayu. Ini adalah kesan daripada pengaruh taraf sosioekonomi keluarga dan persekitaran di mana suasana pembelajaran yang lebih kondusif dapat dinikmati di kalangan pelajar-pelajar bandar. Kaum Cina adalah tertumpu di kawasan-kawasan bandar yang kebanyakan terlibat dalam kegiatan perniagaan.

Berdasarkan kepada fenomena tersebut, pengkaji cuba melihat sejauhmana faktor sosioekonomi ini mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Bahasa Inggeris dengan merujuk kepada sampel kajian di Sabah. Sabah mempunyai persekitaran demografi yang agak berbeza dengan yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Ini adalah disebabkan Sabah masih jauh ketinggalan dalam berbagai bidang termasuklah bidang pendidikan yang dapat dilihat dari segi pencapaian pelajar dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Pada umumnya, masyarakat Sabah merupakan masyarakat yang unik dari segi komposisi kaum, keturunan dan budaya. Ianya dapat dikategorikan kepada dua kumpulan yang besar iaitu bumiputera ( pribumi ) dan bukan bumiputera. Kaum bumiputera di Sabah sebahagian besarnya tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan terlibat dalam kegiatan pertanian. Kebanyakan ibu bapa pelajar di kawasan luar bandar di Sabah kurang berpendidikan malah kadar buta huruf masih tinggi.

**Jadual 1.1 : Jenis kaum daripada pelbagai etnik dan keturunan di Sabah**

Bil.	Bumiputera ( Pribumi )	Bukan Bumiputera
1.	Kadazan/Dusun	1. Cina
2.	Murut	Hokkien
3.	Kwijan	Kanton
4.	Bajau	Hakka
5.	Illanun	Teochow
6.	Losud	Hainan dan lain-lain
7.	Rungus	
8.	Tambanuo	2. India
9.	Dumpas	Pakistan
10.	Marugang	Selon dan lain-lain
11.	Paitan	
12.	Idahan	
13.	Minokok	
14.	Rumanau	
15.	Mongka'ak	
16.	Sulu	
17.	Orang Sungai	
18.	Kedayan	
19.	Bisayan	
20.	Bidung	
21.	Melayu	
22.	Melayu Indonesia	
23.	Melayu Brunei	
24.	Orang Asli	

*Sumber : Pendidikan Dan Masyarakat (Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan) oleh Hussein Haji Ahmad.*

Bumiputera terkumpul dalam empat kumpulan yang besar iaitu Kadazan, Murut, Bajau dan lain-lain kaum bumiputera. Kumpulan yang sudah berkahwin dengan kaum pendatang terutama Cina ialah Kadazan, hasilnya lahir Sino-Kadazan. Kadazan mempunyai satu ciri yang sangat menarik terutama dari segi bahasa, mereka mempunyai dialek yang sangat berbeza antara daerah dengan daerah yang lain, kecuali Kadazan di daerah Tuaran dan Tambunan yang mempunyai dialek dan perbendaharaan kata yang saling difahami. Latar belakang sosioekonomi dan pencapaian dan pencapaian dalam bidang pendidikan di kalangan penduduk pribumi di Sabah adalah hampir sama .

Berdasarkan analisis tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR peringkat kebangsaan bagi tahun 1997 ialah 63.2% iaitu meningkat 0.8% daripada 62.4% kelulusan mata pelajaran tersebut bagi tahun 1996. Manakala analisis pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat negeri Sabah peratus kelulusannya hanya 49.4% iaitu meningkat sebanyak 2.4% sahaja berbanding dengan 47% pada tahun 1996. Peratus kelulusan bagi kedua-dua peringkat kebangsaan dan negeri Sabah secara keseluruhannya merupakan yang terendah berbanding dengan mata pelajaran lain dalam PMR.

Berdasarkan kepada Jadual 1.2 didapati bahawa pencapaian peratus kelulusan mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah yang terendah sekali dalam kedua-dua peringkat iaitu peringkat kebangsaan dan negeri Sabah. Ini merupakan masalah yang perlu dikaji punca pencapaian yang rendah dalam mata pelajaran tersebut.

**Jadual 1.2 : Perbandingan Peratus Pencapaian Mata Pelajaran PMR Tahun 1997 di antara kebangsaan dengan negeri Sabah**

Bil	Mata pelajaran	Peratus peringkat Negeri	Peratus peringkat Kebangsaan	Beza
1	Bahasa Melayu	97%	92.6%	4.4%
2	Bahasa Inggeris	49.4%	63.2%	13.8%
3	Sejarah	93%	90.5%	2.5%
4	Geografi	92.2%	91.2%	1%
5	Pendidikan Islam	85.9%	90.3%	4.4%
6	Matematik	85.9%	90.3%	4.4%
7	Sains	90.1%	90.9%	0.8%
8	Kemahiran Hidup Pilihan I	85.8%	91.3%	5.5%
9	Kemahiran Hidup Pilihan II	82.7%	92.6%	9.9%
10	Kemahiran Hidup Pilihan III	76.1%	86.6%	10.5%

*Sumber : Analisis Keputusan Peperiksaan PMR 1997  
Bahagian Pantai Barat Selatan (PB/S) Sabah*

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian ini akan cuba mendapatkan jawapan kepada persoalan berkaitan dengan hubungan faktor sosioekonomi dengan pencapaian Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar di Daerah Tuaran/Tamparuli Sabah. Di antara persoalan-persoalan yang akan cuba dijawab adalah seperti berikut.

- a. Adakah pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR 1997 mempunyai hubungan dengan latar belakang dan faktor sosioekonomi keluarga?
- b. Adakah pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR 1997 mempunyai hubungan dengan sokongan dan kemudahan-kemudahan pembelajaran yang terdapat di rumah?
- c. Apakah pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR 1997 mempunyai hubungan dengan tempat tinggal?

- d. Adakah pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR 1997 mempunyai hubungan dengan komitmen ibu bapa?
- e. Adakah terdapat perbezaan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR 1997 di antara kaum, antara bandar dan luar bandar?

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian berkaitan dengan pengaruh faktor sosioekonomi terhadap pencapaian PMR akan dapat memberi maklumat kepada pihak penggubal kurikulum dalam semua peringkat iaitu Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah. Ini akan dapat membantu merancang program dan mengatur strategi untuk mempertingkatkan lagi tahap penguasaan dan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Pihak yang terlibat dapat mengetahui kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di Sabah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Ini membolehkan bukan sahaja pihak atasan tetapi juga di kalangan guru menyedari akan pentingnya peranan mereka dalam bilik darjah bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan mendapatkan bimbingan dan kemudahan pembelajaran tambahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Selain daripada dapat memperbanyakkan lagi pengumpulan bahan ilmiah berkaitan dengan pengaruh pencapaian akademik di peringkat sekolah hinggalah ke peringkat Kementerian Pendidikan, kajian ini juga menjadi rujukan untuk kajian-kajian akan datang berkaitan dengan faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran lain.

## **1.5 Objektif Kajian**

### **Objektif Umum**

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor sosioekonomi yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dan hubungannya dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR bagi pelajar tingkatan 4.

### **Objektif Khusus**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat secara terperinci tentang faktor sosioekonomi dan pengaruhnya terhadap pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Berdasarkan kepada ciri-ciri demografi pelajar-pelajar seperti kaum, latar belakang keluarga, tempat tinggal dan sebagainya menjadi panduan dalam kajian ini. Di antara perkara yang cuba diberi tumpuan perbincangan adalah seperti berikut.

- a. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan pekerjaan, pendidikan dan pendapatan ibu bapa?
- b. Adakah kemudahan-kemudahan pembelajaran, bilangan adik beradik dan tempat kediaman mempunyai hubungan dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris?
- c. Adakah wujudnya perbezaan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di antara kaum dan juga jantina?
- d. Adakah terdapat perbezaan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris di antara pelajar bandar dan luar bandar?
- e. Adakah penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran pelajar-pelajar dapat

mempengaruhi pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris?

## 1.6 Batasan Kajian

### Lokasi

Kajian ini akan dijalankan di empat buah sekolah menengah di daerah Tuaran/Tamparuli. Daerah Tuaran/Tamparuli mempunyai lapan buah sekolah menengah iaitu lima buah sekolah dalam kategori bandar dan tiga buah sekolah kategori luar bandar (Rujuk jadual 1.3).

**Jadual 1.3 : Sekolah-sekolah menengah Daerah Tuaran/Tamparuli**

Bil.	Nama Sekolah	Gred	Kategori	Daerah
1.	SMK Tun Fuad Stephens	A	Luar bandar	Tuaran
2.	SMK Badin	A	Bandar	Tuaran
3.	SMK Pekan Telipok	B	Bandar	Tuaran
4.	SM St. John	B	Bandar	Tuaran
5.	SMK Tamparuli	A	Bandar	Tamparuli
6.	SMK Tenghilan	A	Luar bandar	Tamparuli
7.	SMK Sg. Damit	B	Luar bandar	Tamparuli
8.	SM St. James	B	Luar bandar	Tamparuli

*Sumber: Senarai Sekolah-sekolah Bahagian Pantai Barat Selatan (PB/S)*

Kajian ini hanya melibatkan empat buah sekolah gred A yang mempunyai asrama sekolah iaitu dua buah sekolah dari setiap daerah yang dipilih. Keempat-empat buah sekolah mewakili sekolah menengah kategori bandar dan luar bandar.

## Pelajar

Responden kajian ini hanya melibatkan 140 orang pelajar tingkatan 4 yang telah menduduki peperiksaan PMR pada tahun 1997. Jumlah sampel yang terhad ini mungkin tidak mencerminkan keadaan sebenar bagi keseluruhan 1,277 orang pelajar tingkatan 4 bagi sekolah-sekolah menengah daerah Tuaran/Tamparuli.

**Jadual 1.4 : Taburan pelajar tingkatan 4 sekolah menengah Daerah Tuaran/Tamparuli**

Bil.	Nama Sekolah	Jumlah Pelajar Tingkatan 4
1.	SMK Tun Fuad Stephens	177 orang
2.	SMK Badin	351 orang
3.	SMK Pekan Telipok	104 Orang
4.	SM St. John	137 orang
5.	SMK Tamparuli	209 orang
6.	SMK Tenghilan	204 orang
7.	SMK Sg. Damit	95 orang
8.	SM St. James	Tidak ada kelas tingkatan 4
	<b>Jumlah</b>	<b>1,277 orang</b>

*Sumber: Laporan Bulanan Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tuaran/Tamparuli 1998.*

## Mata pelajaran

Kajian ini hanya melibatkan mata pelajaran Bahasa Inggeris sahaja. Pemilihan mata pelajaran Bahasa Inggeris ini adalah disebabkan tahap pencapaian mata pelajaran ini khususnya di Daerah Tuaran/Tamparuli dan Sabah amnya adalah berada pada tahap yang rendah berbanding dengan pencapaian dalam mata pelajaran lain dalam peperiksaan PMR.

**Masa**

Tempoh masa yang diberi untuk menjalankan kajian ini adalah terbatas iaitu selama tiga bulan sahaja.

## **BAB DUA**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini, pengkaji akan memberikan beberapa takrifan kepada istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Seterusnya menumpukan perbincangan terhadap dapatan-dapatan yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar terutama sekali faktor sosioekonomi.

#### **2.2 Definisi Istilah**

Istilah-istilah yang disenaraikan berikut adalah didefinisikan bagi tujuan dalam sepanjang kajian ini.

##### **Taraf sosioekonomi**

Taraf sosioekonomi ini merujuk kepada taraf ekonomi keluarga pelajar yang diukur dari segi pekerjaan, pendidikan dan pendapatan. Ini akan memberi kesan terhadap saiz keluarga, komitmen, motivasi dan persepsi yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Harold Entwistle ( dirujuk oleh Hazil Abdul Hamid, 1990 : m.s 110) mengistilahkan taraf sosioekonomi rendah sebagai mereka yang terdiri daripada

golongan yang mempunyai pendapatan yang rendah mengikut ukuran di Malaysia ialah RM 500.00 atau kurang daripada RM 500.00 sebulan. Ini berasaskan kepada mereka yang mendapat bantuan buku teks. Selain daripada, pendapatan rendah golongan ini mempunyai ciri kurang zat makanan, penyakit, kekurangan pakaian dan tempat tinggal. Ciri-ciri seperti ini biasanya terdapat di kawasan luar bandar dan pinggir-pinggir bandar.

Menurut Hazil Abdul Hamid (1990 : m.s 117 ) keadaan hidup taraf sosioekonomi rendah ini boleh dilihat dari sudut keadaan individu, cara bekerja, pendapatan dan perbelanjaan, taraf pendidikan, nilai, 'world view', cita-cita, pandangan masa hadapan dan sebagainya. Dari segi gaya hidup, ia boleh dilihat dari segi rumah kediaman, cara membeli-belah, kegiatan masa lapang dan keadaan anak.

### **Pencapaian Akademik**

Pencapaian akademik adalah diukur sebagai taraf pencapaian individu di dalam peperiksaan rasmi di sekolah atau peperiksaan awan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan. Pencapaian akademik adalah merujuk kepada peratus dan gred kelulusan yang diperolehi iaitu A (cemerlang ), B (Kepujian ), C ( Baik ), D (Mencapai tahap penguasaan minimum ) dan E ( Tidak mencapai tahap penguasaan) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan mata pelajaran lain dalam peperiksaan PMR yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pencapaian akademik adalah kemampuan pelajar-pelajar mendapat gred-gred yang dicapai dalam sesuatu ujian atau peperiksaan yang piawai seperti peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM.

## **Sekolah Gred A**

Takrif sekolah gred A adalah berdasarkan kepada beberapa ciri seperti berikut;

- i. Bilangan pelajar adalah melebihi 1500 orang.
- ii. Mempunyai kelas tingkatan enam.
- iii. Mempunyai asrama untuk pelajar-pelajar.

## **Perbezaan Bandar dan Luar bandar**

Bandar dan luar bandar adalah merujuk kepada kedudukan atau lokasi sekolah menengah dan tempat tinggal pelajar. Bandar kecil merupakan kawasan di bawah pengawasan Majlis Perbandaran Tempatan manakala luar bandar adalah di luar kawasan Majlis daerah iaitu di luar lingkungan 8 kilometer. Sekolah-sekolah gred A dan B di Sabah terdapat di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

## **Bahasa Kedua**

Merujuk kepada kedudukan Bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan di Malaysia iaitu sebagai bahasa yang kedua penting selepas Bahasa Melayu. Bahasa Inggeris adalah diajar sebagai satu mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua pelajar pada setiap peringkat persekolahan.

### **2.3 Ulasan Karya**

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan sama ada di luar mahupun di dalam negara telah membuktikan bahawa taraf sosioekonomi mempunyai kesan yang luas terhadap pencapaian akademik termasuklah pencapaian dalam mata

pelajaran Bahasa Inggeris. Taraf sosioekonomi yang diukur dari segi pekerjaan, pendidikan dan pendapatan sesebuah keluarga mempengaruhi sikap dan persepsi mereka terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar.

Kajian Douglas (1964, 1968) menunjukkan hubungan yang positif di antara mutu kebendaan yang ada di dalam alam sekeliling pelajar dengan peluang untuk mendapatkan pendidikan. Ini menunjukkan kelas sosial yang ditentukan melalui taraf sosioekonomi keluarga mempunyai hubungan yang signifikan yang kuat terhadap pencapaian akademik kanak-kanak. Ia juga mendapati bahawa keluarga daripada keluarga yang rendah taraf sosioekonomi juga berkecenderungan mempunyai bilangan anak yang ramai. Ini adalah dipengaruhi oleh pandangan yang menganggap bahawa anak-anak ini dapat membantu memperbaiki keadaan kehidupan keluarga mereka dewasa. Bilangan anak yang ramai memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk keperluan harian. Perbelanjaan untuk membeli kemudahan-kemudahan seperti bahan-bahan rujukan adalah terhad.

Di samping itu, beliau juga menjelaskan bahawa penghuni rumah yang ramai mewujudkan kesesakan di dalam rumah boleh mengganggu terutamanya dari segi ketenteraman yang diperlukan bagi menghayati pembelajaran. Ini berlaku kerana biasanya keadaan kesesakan dan terpaksa berkongsi bilik tidur. Ini diikuti pula dengan kebisingan dan mengakibatkan tidak adanya keselesaan untuk belajar. Banks (1987) pula menyatakan bahawa rumah yang tersesak bukan sahaja menyekat secara serius kerja rumah seseorang kanak-kanak itu tetapi peluang untuk ia membaca dan bermain secara membina.

Coleman (1970) dalam kajiannya yang mengukur status ekonomi dari segi pekerjaan, pendidikan dan pendapatan ibu bapa mendapati bahawa latar belakang

keluarga adalah penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar dan hubungan tersebut adalah berterusan. Beliau juga menyatakan bahawa latar belakang keluarga boleh dibahagikan kepada komponen seperti modal manusia dan sosial ( human and social capital ). Modal manusia menyediakan potensi perkembangan persekitaran pembelajaran di rumah dan modal sosial keluarga adalah berkaitan dengan kekuatan hubungan di antara ibu bapa dan anak-anak.

Bourdieu (1971) menyatakan bahawa pelajar-pelajar membawa keberuntungan modal budaya atau 'cultural capital' dari rumah akan dapat membentuk sebahagian besar daripada karier persekolahan mereka. Pelajar-pelajar daripada keluarga yang beruntung akan dapat membawa nilai-nilai dan pengetahuan ke sekolah. Oleh sebab itu, mereka berjaya mencapai keputusan dengan baik sejak dari peringkat awal persekolahan.

Lerman, Stroup dan Robbins (1972 ) pula sependapat dengan Coleman di mana mereka juga mendapati betapa pentingnya pengaruh pendapatan ibu bapa iaitu membolehkan mereka menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran di rumah yang dapat membantu meningkatkan pencapaian anak-anak mereka. Pendapatan keluarga yang rendah boleh mewujudkan kesan negatif terhadap diri pelajar-pelajar. Keadaan ini disebabkan oleh tekanan emosi yang agak ketara sehingga menyebabkan keciciran di kalangan pelajar-pelajar yang terlibat.

Burstell et al (1974) dalam kajiannya tentang pengajaran Bahasa Perancis di kalangan pelajar Britian di peringkat sekolah rendah mengatakan bahawa latar belakang sosioekonomi mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pembelajaran bahasa. Pelajar yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang tinggi mempunyai tahap kecekapan bahasa yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar

daripada latar belakang sosioekonomi yang rendah. Kawasan residensi dan pendedahan juga mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar Britian yang mempelajari Bahasa Perancis. Burstel et al (1974) mendapati pelajar yang tinggal berhampiran dengan kawasan sasaran penutur bahasa tersebut mempunyai tahap penguasaan bahasa yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang tinggal jauh daripada kawasan berkenaan.

Noorman (1976) juga mendapati ibu bapa yang berpendidikan mempunyai status pekerjaan yang lebih tinggi dan anak-anak lebih cenderung mendapat pencapaian yang lebih cemerlang, berbanding dengan pelajar-pelajar yang mempunyai ibu bapa yang mempunyai status pekerjaan yang rendah. Ini bermakna taraf sosioekonomi ibu bapa penting dalam menentukan pencapaian akademik.

Heyns (1978) dirujuk oleh Entwisle et al (1997) pula menyatakan bahawa ibu bapa yang mempunyai taraf sosioekonomi lebih banyak menyediakan kemudahan material yang bersesuaian dengan pembelajaran berbanding dengan aktiviti-aktiviti dalam keluarga yang boleh dicontohi oleh anak-anak mereka. Misalnya ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang tinggi mungkin dapat membeli buku-buku pelajaran tetapi mempunyai masa yang terhad bersama-sama dengan anak-anak. Sementara ibu bapa yang berpendapatan rendah mungkin tidak berkemampuan menyediakan kemudahan-kemudahan material yang dapat membantu dalam pembelajaran tetapi mempunyai masa bersama anak-anak seperti membawa mereka ke perpustakaan. Situasi ini menunjukkan bahawa ibu bapa daripada semua tahap ekonomi perlu memberikan sokongan psikologi yang dapat membantu perkembangan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah. Kemampuan menyediakan bahan-bahan bacaan bukanlah penentu utama kepada perkembangan pengetahuan

pelajar terutama dari segi penguasaan bahasa tetapi juga memerlukan sokongan psikologi ibu bapa juga adalah penting.

Saville-Troike, Muriel (1979) menyatakan bahawa maklumat yang diperolehi daripada pelajar-pelajar bukan penutur Bahasa Inggeris di Amerika telah membuktikan bahawa kedudukan ekonomi dan kelas sosial merupakan faktor yang boleh mengganggu penguasaan bahasa kedua dan lain-lain pencapaian di sekolah. Pendidikan ibu bapa yang rendah mempengaruhi orientasi nilai, kekurangan buku-buku rujukan di rumah dan faktor budaya memberi kesan terhadap kejayaan pelajar-pelajar .

Bourdieu and Passeron (1979) dalam kajian berkaitan masalah pemilihan pelajar di sekolah rendah dan menengah di Perancis mendapati bahawa terdapat perbezaan yang nyata tentang peluang belajar di antara perempuan dan lelaki. Pelajar perempuan dari kelas bawahan mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk memasuki universiti berbanding dengan pelajar lelaki daripada kelas sosial yang sama. Ini menunjukkan bahawa taraf sosioekonomi mempunyai pengaruh terhadap pencapaian akademik mengikut jantina pelajar.

Maccoby dan Martin (1983) menyatakan bahawa keluarga yang harmoni dan mempunyai hubungan yang positif menghasilkan anak-anak yang cekap, bertanggungjawab dan produktif. Pelajar yang dibesarkan dalam persekitaran rumahtangga yang banyak rangsangan menunjukkan prestasi yang baik di sekolah. Ini merupakan petunjuk suasana pembelajaran pelajar di peringkat awal potensi pencapaian semasa di sekolah.

Baker dan Stevenson (1986) juga mendapati bahawa ibu-ibu yang memperoleh pendidikan yang lebih tinggi mempunyai lebih banyak strategi untuk

meningkatkan prestasi akademik anak-anak mereka. Ibu-ibu yang lebih berpelajaran, lebih pandai mengurus karier sekolah anak-anak mereka, lebih sering mengikuti kemajuan akademik anak-anak mereka dan mempunyai aspirasi yang lebih tinggi terhadap pencapaian anak-anak mereka.

Quah May Ling et al (1995) yang telah menjadikan taraf sosioekonomi sebagai salah satu daripada alat pengukur untuk melihat kesan persekitaran rumah dan penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian pelajar-pelajar sekolah rendah di Singapura dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Kedua dan Matematik. Hasil kajian beliau mendapati bahawa kesan persekitaran rumah dan penglibatan ibu bapa yang dilihat dari segi taraf sosioekonomi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar dalam semua mata pelajaran tersebut. Pelajar-pelajar dalam kumpulan taraf sosioekonomi yang tinggi lebih banyak masa untuk membaca berbanding dengan pelajar-pelajar dari kumpulan sederhana dan rendah.

Menurut Todd Rogers (1997) dalam kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian ujian matematik dan Bahasa Inggeris bagi pelajar sekolah rendah yang dijalankan di 151 buah sekolah awam di Edmonton Alberta, telah mendapati bahawa 50% pencapaian pelajar adalah dipengaruhi oleh status sosioekonomi ibu bapa. Beliau menyimpulkan bahawa pelajar dari status sosioekonomi yang tinggi mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pencapaian pelajar dari keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah.

Di Malaysia kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar telah banyak dijalankan. Kajian-kajian tersebut telah membuktikan

bahawa faktor sosioekonomi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar. Di antara kajian tersebut adalah seperti berikut.

Ng, S.N, (1971) dalam kajiannya di kalangan pelajar sekolah rendah juga mendapati taraf sosioekonomi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Beliau juga menjelaskan bahawa kesan sosioekonomi terhadap pencapaian akademik mula dapat dikesan sejak dalam darjah dua lagi. Kajian yang telah dilakukan oleh Tay Lay Eng (1993) dalam kajian berkaitan dengan faktor-faktor penentu pencapaian Matematik juga telah mendapati faktor sosioekonomi keluarga mempunyai hubungan dengan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Matematik. Lee Lai Ngoh (1993) dalam kajiannya berkaitan dengan pengaruh keluarga terhadap pencapaian pelajar sekolah menengah rendah dalam peperiksaan mata pelajaran Geografi juga mendapati bahawa taraf sosioekonomi keluarga mempunyai pengaruh yang besar terhadap pencapaian pelajar.

Pencapaian akademik di kalangan pelajar bandar dan luar bandar juga menunjukkan perbezaan yang jelas. Pelajar sekolah rendah dan menengah di bandar memperlihatkan taraf pencapaian yang lebih baik daripada pelajar sekolah di luar bandar. Chandrasegaran (1979) mendapati bahawa pencapaian pelajar mempunyai hubungan dengan pendedahan yang diterima di kawasan tempat tinggal mereka. Pelajar bandar lebih terdedah kepada penggunaan Bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar luar bandar.

Menurut Meermen (1979) golongan berada dan dari bandar mempunyai peluang dan kesempatan yang lebih dalam perkembangan pendidikan. Ini disebabkan kemudahan-kemudahan yang terhad di sekolah-sekolah luar bandar seperti sumber

kewangan yang terhad. Mahmet dan Hoong (1986) menjelaskan bahawa faedah dan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar-pelajar dari golongan berpendapatan rendah terutama sekali dari kawasan luar bandar adalah sangat kecil berbanding dengan golongan sosioekonomi tinggi dan dari bandar. Taraf sosioekonomi di kalangan kaum juga adalah berbeza dan ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik mengikut kaum seperti yang terdapat di Malaysia.

Menurut Dr. Awang Had Salleh (1986), prestasi akademik di kalangan pelajar bumiputera adalah berbeza dan secara keseluruhannya prestasi mereka adalah sederhana dan lebih rendah jika dibandingkan dengan prestasi pelajar bukan bumiputera. Beliau seterusnya menjelaskan walaupun terdapat juga pelajar bumiputera yang mencapai kecemerlangan dalam akademik, tetapi jumlah mereka adalah kecil berbanding dengan pelajar bukan bumiputera. Dikatakan bahawa pelajar bumiputera sering dianggap mempunyai pencapaian dan aspirasi yang rendah dalam bidang pendidikan berbanding dengan pelajar-pelajar bukan bumiputera. Latar belakang sosioekonomi penduduk di Malaysia adalah kesan penjajahan yang menjalankan dasar 'pecah dan perintah'. Pembahagian penempatan di antara kaum Melayu, Cina dan India adalah berdasarkan kegiatan ekonomi. Kesan peninggalan sejarah negara masih dapat dilihat hingga ke hari ini walaupun telah mengalami perubahan yang pesat.

Kajian kelemahan pelajar-pelajar UKM (1983) mendapati bahawa prestasi pelajar-pelajar Melayu semakin merosot dalam menguasai pengetahuan am. Kajian tersebut juga telah menyatakan pelajar-pelajar bumiputera yang diterima masuk ke UKM didapati lemah dalam Bahasa Inggeris dan Matematik. Ini diperjelaskan lagi oleh Kamarudin Haji Kachar (1984) yang menyatakan terdapat perbezaan prestasi

akademik di antara pelajar Melayu dengan bukan Melayu berlaku sejak di peringkat sekolah rendah lagi. Kajian ini disokong oleh Siti Noor Yaakob (1990) yang menyatakan bahawa tahap pendidikan, status ekonomi dan pendapatan ibu bapa adalah pembolehubah-pembolehubah yang penting berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar.

Leong Yin Ching (1990) membuktikan pencapaian sekolah luar bandar adalah di bawah taraf pencapaian purata bagi pencapaian SRP, SPM dan STPM. Pelajar-pelajar di sekolah bandar menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada pelajar di sekolah yang di kawasan luar bandar, rancangan Felda dan estet. Sekolah-sekolah estet mempunyai pencapaian akademik rendah yang paling tinggi. Hasil kajian ini juga telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara bilangan anggota keluarga dengan pencapaian akademik. Secara keseluruhannya perbezaan sosioekonomi yang wujud dicerminkan dalam kualiti persekolahan dan taraf pencapaian.

Kajian keciciran dan pencapaian rendah oleh Kementerian Pendidikan (1973, 1994) telah menjelaskan bahawa kanak-kanak daripada keluarga yang miskin dan mereka berkemungkinan tercicir daripada sekolah. Pelajar-pelajar daripada keluarga miskin juga mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah. Kemiskinan boleh mempengaruhi keciciran sebab kanak-kanak daripada keluarga yang miskin berkemungkinan kekurangan zat makanan dan besar kemungkinan ia diserang penyakit. Ini boleh menyebabkan kedatangan mereka ke sekolah terganggu dan mengakibatkan mundur di dalam pelajaran. Kadangkala kemiskinan juga boleh mempengaruhi nilai, sikap dan aspirasi mereka yang menghadapi pelajaran. Ini tidak

pula bermakna mereka yang miskin sentiasa mempunyai sikap yang negatif terhadap pendidikan.

Hazil Abdul Hamid (1990) juga mengakui bahawa mereka yang miskin adalah mereka yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah juga kadangkala mempunyai cita-cita seperti golongan pertengahan. Keadaan ini menyebabkan pelajar-pelajar daripada taraf sosioekonomi yang rendah juga berjaya di dalam pelajaran sehingga ke peringkat Ph.D. Dr. Wan Mohd. Zahid Nordin (1973) dalam *Isu Pendidikan Di Malaysia* bertajuk 'status sosioekonomi dan keciciran' menyatakan bahawa memang tidak dapat dinafikan bahawa kemiskinan adalah merupakan faktor yang penting. tetapi ini tidak bererti kemiskinan merupakan semata-mata faktor yang menyebabkan berlakunya keciciran kerana ada faktor-faktor lain yang mungkin lebih penting ataupun sama pentingnya dengan faktor kewangan.

Abdul Aziz Zainal (1989) dalam analisis kajiannya mendapati bahawa sokongan akademik ibu bapa dipengaruhi secara langsung oleh kedudukan ekonomi ibu bapa. Sokongan akademik pula mempengaruhi suasana rumahtangga. Oleh itu, ibu-ibu yang berpendidikan akan dapat melahirkan suasana rumahtangga yang boleh membantu anak-anak mereka mencapai kejayaan yang lebih baik dalam bidang akademik. Pendidikan ibu bapa juga didapati banyak mempengaruhi strategi-strategi yang digunakan untuk meningkatkan pencapaian pelajar.

Beliau juga mendapati kelemahan pencapaian akademik anak-anak India dikaitkan dengan kedudukan taraf sosioekonomi keluarga mereka. Pendapat Abdul Aziz ini disokong oleh dapatan kajian Sharifah Md. Nor (1992) yang mendapati faktor latar belakang ibu bapa seperti pendapatan ibu bapa, pendidikan ibu dan

bangsa mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar.

Mohamed Nor (1990) menyatakan bahawa perbezaan status sosial keluarga dan persekitaran rumah berhubungkait dengan rendahnya prestasi anak-anak dari keluarga kelas bawahan. Satu cara mengklasifikasikan kaitan persekitaran rumah dengan kejayaan di sekolah ialah dengan membandingkan pengetahuan dan kefahaman, kemahiran bahasa dan kognitif dan nilai serta sikap anak-anak di antara kedua-dua kelas bawahan dan pertengahan. Didapati anak-anak keluarga kelas pertengahan mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang lebih luas berkenaan dengan hal luar rumah dan sekolah melalui buku-buku dan majalah. Tetapi peluang begini kurang didapati di kalangan keluarga bawahan. Perbezaan kemahiran bahasa dan kognitif nyata di antara anak-anak keluarga dari status yang berbeza ini. Kanak-kanak kelas pertengahan terdedah kepada penggunaan bahasa yang berbentuk formal, teratur dan lengkap, jika dibandingkan dengan penggunaan bahasa kelas bawahan yang terhad, ringkas dan berbentuk ayat-ayat yang pendek.

Isahak Haron (1983) dalam kajiannya mendapati taraf sosioekonomi dan latar belakang budaya setiap kaum mempunyai hubungan yang tinggi terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tertentu. Misalnya pengkaji mendapati pembelajaran bahasa adalah dipengaruhi oleh budaya sesuatu kaum berbanding dengan mata pelajaran Sains dan Matematik. Pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris di kalangan kaum India yang tinggal di bandar dan mempunyai taraf pendidikan yang tinggi adalah lebih baik. Malah mereka lebih suka bertutur dalam Bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Tamil dan dialek-dialek yang lain. Kajian keciciran dan pencapaian rendah yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan

(1994) juga mendapati bahawa di kalangan pelajar daripada taraf sosioekonomi yang rendah menghadapi masalah untuk mempelajari Bahasa Inggeris berbanding dengan mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik.

Kajian yang telah dibuat oleh Amy Sajak (1979) dan Hamzah Haji Mohamed (1979) pula telah membuktikan bahawa pencapaian pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan pencapaian pelajar lelaki. Mereka juga menyatakan bahawa sikap positif dan dorongan ibu bapa adalah penting sebagai penentu kepada pencapaian pelajar dalam kemahiran bahasa.

Selain daripada persekitaran rumah, persekitaran sosial juga mempunyai pengaruh terhadap tahap penguasaan dan pencapaian bahasa di kalangan pelajar-pelajar. Budaya yang dijangka dapat dikekalkan oleh sesebuah komuniti adalah berkaitan dengan sasaran bahasa penutur adalah penting dan mempengaruhi sikap penutur terhadap bahasa berkenaan. Komuniti yang tahu menilai dan menghargai bahasa yang dipelajari maka ini akan dapat meninggikan tahap penguasaan terhadap bahasa tersebut dan sebaliknya. Situasi sedemikian menjadi kenyataan jika komuniti pelajar mempunyai kepercayaan dan benar-benar hendak menguasai bahasa berkenaan. Tetapi jika komuniti pelajar mempunyai sikap yang negatif terhadap penguasaan bahasa yang ingin dipelajari maka ia tidak akan menemui kejayaan.

## **2.4 Kesimpulan**

Berdasarkan kajian-kajian di atas, menunjukkan bahawa pencapaian akademik dan tahap penguasaan bahasa adalah dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi pelajar. Faktor sosioekonomi ini mempengaruhi pencapaian akademik

pelajar yang berbeza yang dilihat dari segi kawasan bandar dan luar bandar, jantina dan bangsa. Perbezaan ini adalah berpunca sikap dan persepsi yang dicorak oleh suasana kehidupan berdasarkan taraf sosioekonomi sesebuah keluarga dan suasana persekitaran sosial.

Taraf sosioekonomi ibu bapa bukan sahaja mempengaruhi sikap dan komitmen terhadap pembelajaran anak-anak mereka tetapi juga mempengaruhi penyediaan kemudahan-kemudahan pembelajaran yang dapat memberangsangkan perkembangan intelek seseorang kanak-kanak. Ini bermakna bahawa ibu bapa yang berpendidikan menyedari akan kepentingan pelajaran anak-anak mereka. Kedudukan ekonomi keluarga yang stabil pula membolehkan mereka menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran seperti membeli buku-buku rujukan, media bercetak dan media elektronik, kelas tuisyen, kursus motivasi dan teknik pembelajaran dapat didedahkan kepada anak-anak mereka.

Kemampuan menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran tersebut bukan sahaja disebabkan mereka mempunyai sumber kewangan yang cukup tetapi juga berpunca daripada kesedaran tentang kepentingan pelajaran anak-anak. Berbanding dengan sikap ibu bapa yang kurang atau tidak berpendidikan mempunyai persepsi yang negatif terhadap perkembangan pembelajaran anak-anak mereka. Memang tidak dapat dinafikan ibu bapa daripada taraf sosioekonomi yang rendah dan mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar juga mengharapkan anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Namun demikian, kehidupan mereka serba kekurangan menyebabkan sebahagian besar golongan ini tidak mendapat pencapaian yang cemerlang berbanding dengan golongan yang mempunyai taraf sosioekonomi yang lebih baik atau tinggi.

Latar belakang keluarga yang terbentuk berdasarkan lokasi juga mempunyai pengaruh terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar. Pelajar yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar mempunyai pendedahan terhadap motivasi pembelajaran dan tahap penguasaan bahasa khususnya Bahasa Inggeris adalah terhad. Secara amnya, pencapaian akademik kaum Melayu dan bumiputera adalah rendah dipengaruhi oleh kawasan tempat tinggal yang sebahagian besarnya tinggal di kawasan luar bandar. Ini ditambah pula dengan taraf sosioekonomi luar bandar yang berasaskan pertanian sara diri juga adalah rendah.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

Bab ini akan membincangkan tentang populasi, sampel, instrumen dan rekabentuk kajian. Di samping itu, dalam bab ini juga akan menjelaskan kaedah penganalisan data dan sumber-sumber data yang diperolehi daripada responden kajian.

#### **3.1 Populasi Kajian**

Menurut Yahaya Mahamood (1992) populasi merupakan satu set pengukuran yang menjadi tumpuan kajian. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat bagi sesi persekolahan 1998 dari empat buah sekolah gred A di Daerah Tuaran/Tamparuli Sabah. Keempat-empat sekolah yang dipilih iaitu SMK Badin, SMK Tun Fuad Stephens, SMK Tamparuli dan SMK Tenghilan adalah mewakili sekolah bandar dan luar bandar. Jumlah pelajar tingkatan empat bagi keempat-empat buah sekolah tersebut ialah 941 orang.

#### **3.2 Sampel Kajian**

Sampel ialah sekumpulan kecil unsur yang telah 'dicabut' daripada sesuatu rangka persampelan. Sampel adalah subset sesuatu populasi. Sesuatu sampel itu dikatakan 'mewakili' sesuatu populasi yang dikaji (Ahmad Mahdzan, 1997). Menurut Uma Sekaran (1992) dan Majid Konting (1993), penentuan sampel adalah

bergantung kepada kemampuan pengkaji dan tujuan kajian yang dijalankan. Champion (1970) dirujuk oleh Bailey menyatakan selalunya saiz sampel bergantung kepada penduduk yang hendak dijadikan sampel. Sungguhpun sukar untuk membuat suatu peraturan umum tanpa pengetahuan mengenai penduduk tertentu, tetapi lebih kurang 30 kes merupakan saiz minimum bagi kajian yang memerlukan analisis data perangkaan. Secara umumnya, saiz sampel yang lebih besar akan menghasilkan data yang menyeluruh bagi mewakili populasi kajian. Bagi kajian ini, daripada 941 orang pelajar tingkatan empat, pengkaji hanya memilih 140 orang pelajar sebagai responden. Sampel kajian ini adalah seperti berikut :


- a. Empat buah sekolah gred A iaitu dua buah sekolah dari kategori sekolah bandar dan dua buah sekolah lagi dari kategori luar bandar.
- b. Pelajar tingkatan empat yang dipilih adalah seramai 35 orang daripada setiap sekolah. Pemilihan pelajar adalah secara rawak sistematik mengikut pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR iaitu pelajar yang mendapat keputusan cemerlang, sederhana dan lemah.

### **3.3 Kerangka Konseptual Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk melihat faktor-faktor sosioekonomi yang mempengaruhi pencapaian akademik khususnya mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat.

Berdasarkan ulasan karya dari kajian-kajian yang terdahulu, model kajian adalah seperti dalam Rajah 3.1 digunakan untuk melihat perhubungan yang dijangkakan dalam kajian ini.

**Rajah 3.1 : Kerangka Konseptual**



### 3.4 Hipotesis Kajian

Kajian ini cuba mengkaji dan menjawab persoalan sama ada pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris mempunyai hubungan dengan taraf sosioekonomi dan faktor-faktor yang berkaitan seperti latar belakang atau demografi pelajar,

sokongan dan kemudahan serta komitmen ibu bapa terhadap pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Terdapat 18 hipotesis yang perlu diuji dalam kajian ini. Ujian hipotesis null yang bakal diuji ini adalah seperti berikut.

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lokasi sekolah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kaum pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara bahasa pertuturan pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendidikan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.

- Ho10 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendidikan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho11 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempat tinggal pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho12 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara bilangan adik beradik dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho13 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempat tinggal pelajar semasa belajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho14 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis sekolah rendah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho15 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara masa mula belajar Bahasa Inggeris dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho16 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemudahan pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho17 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.
- Ho18 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor sosioekonomi, demografi, kemudahan pembelajaran, sokongan, tempat tinggal dan lokasi sekolah.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini ialah satu set soalan soal selidik. Soal selidik yang diedarkan mengandungi 39 soalan dan terbahagi kepada 4 bahagian iaitu seperti berikut:

#### **Bahagian A : Latar belakang keluarga**

Bahagian ini mengandungi 12 item untuk mendapatkan maklumat latar belakang ibu bapa yang meliputi bangsa, bahasa pertuturan, pekerjaan, pendapatan, kelayakan akademik dan lokasi. Item 8 - 12 adalah berkaitan dengan latar belakang pelajar itu sendiri yang mempunyai hubungan yang mempengaruhi pencapaian akademik khususnya pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris . Di antaranya adalah seperti tempat tinggal semasa belajar, penjaga, bilangan adik beradik, jenis sekolah semasa di sekolah rendah dan permulaan mempelajari Bahasa Inggeris.

#### **Bahagian B : Kemudahan yang dimiliki yang dapat membantu pembelajaran.**

Dalam bahagian ini mengandungi 6 item yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan dengan kemudahan-kemudahan dan bahan-bahan yang dapat membantu meningkatkan pencapaian di kalangan pelajar-pelajar. Ia meliputi bahan bacaan dalam Bahasa Inggeris, kursus motivasi, bengkel menjawab soalan, kelas tuisyen, kemudahan media elektronik yang dimiliki dan keselesaan tempat belajar di rumah.

### **Bahagian C : Penglibatan Ibu Bapa terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris**

Bahagian ini mengandungi 20 item bagi mendapatkan maklumat mengenai dengan komitmen ibu bapa terhadap perkembangan pembelajaran anak-anak mereka. Ini bertujuan untuk melihat sejauhmana komitmen ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka dipengaruhi oleh taraf sosioekonomi. Bahagian ini menggunakan skala "Likert" yang diubahsuai menjadi empat pilihan sahaja iaitu Sangat Tidak setuju, Tidak Setuju, Setuju dan Sangat Setuju. Setiap maklumbalas kepada soalan diberikan nilai 1 hingga 4 seperti dalam rajah 3.2 di bawah.

**Rajah 3.2: Maklumbalas Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris**

Maklumbalas	Nilai Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Setuju	3
Sangat Setuju	4

Soalan-soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini adalah jenis tutup. Penggunaan jenis soalan tutup ini adalah disebabkan ia lebih mudah, cepat untuk dijawab dan tidak memerlukan penulisan (Oppenheim, 1986).

### **Bahagian D : Pencapaian Akademik**

Bahagian ini hanya mengemukakan satu item sahaja iaitu ingin mendapat maklumat tentang gred yang diperolehi oleh pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam peperiksaan PMR.

### **3.6 Sumber Data**

Data di dalam kajian ini diperolehi dari dua sumber utama iaitu 'data primer' dan 'data sekunder'. Data primer adalah data yang diperolehi daripada maklumbalas pelajar-pelajar tingkatan empat yang menjadi responden dalam kajian ini. Manakala data sekunder pula diperolehi hasil penyelidikan perputakaan yang meliputi buku-buku, majalah, jurnal dan laporan yang berkaitan. Selain daripada itu, maklumat-maklumat yang berkaitan dengan analisis peperiksaan pula diperolehi dari Pejabat Pendidikan Sabah.

### **3.7 Tatacara Kajian**

Kaedah pengumpulan data dan maklumat dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah soal selidik. Pemilihan kaedah ini adalah kerana ia dapat meliputi sampel yang lebih besar, kos lebih murah dan dapat memberi persampelan yang lebih tepat. Soal selidik tersebut adalah berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Zakaria Osman Hubungan faktor-faktor latar belakang dan komitmen ibu bapa dengan pencapaian Matematik. Soal selidik itu kemudian diubahsuai dan distrukturkan ayatnya sesuai dengan pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini. Di samping menambah beberapa item seperti bahasa pertuturan, bahasa pengantar di peringkat prasekolah dan masa mula mempelajari Bahasa Inggeris.

Langkah-langkah yang perlu dilakukan dalam proses mengumpul data dan maklumat adalah seperti berikut.

- a. Mendapatkan surat kebenaran menjalankan penyelidikan dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPP) Kementerian Pendidikan

Malaysia dengan memberikan salinan kertas cadangan dan soal selidik penyelidikan.

- b. Mendapatkan kebenaran dari Pengarah Pendidikan Negeri Sabah setelah memperolehi kebenaran dari pihak BPPP.
- c. Mendapatkan kebenaran daripada pengetua sekolah-sekolah yang dipilih untuk menjalankan kajian.
- d. Mendapatkan bilangan pelajar tingkatan empat dan pemilihan dibuat secara rawak sistematik iaitu berdasarkan pencapaian dalam Bahasa Inggeris PMR.
- e. Memberikan soalan soal-selidik untuk dijawab oleh pelajar dalam kelas yang terpilih dan mengumpul kembali soalan tersebut dengan bantuan guru-guru berkenaan.

### **3.8 Tatacara Analisis Data**

Semua data dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 7.5. Pakej ini dipilih kerana ia mudah digunakan dan berupaya menghasilkan pameran graf-graf dan jadual. Ia mampu menganalisa banyak analisis statistik yang berguna seperti frekuensi, deskriptif, kolerasi, ujian-t, ANOVA, regresi, faktor analisis dan lain-lain lagi (Norusis, 1994). Analisis ini melibatkan penggunaan statistik deskriptif dan statistik inferensi.

### **Kajian Deskriptif**

Analisis digunakan untuk memperolehi data yang dianggap sebagai ringkasan daripada keseluruhan set. Di antara analisis yang dilakukan meliputi

jumlah skor, peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai. Analisis ini boleh digunakan untuk menunjukkan komponen responden serta ciri-ciri demografi seperti jantina, kaum lokasi sekolah, tempat tinggal, bilangan adik beradik, bahasa pertuturan, kemudahan pembelajaran, taraf sosioekonomi, komitmen ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar.

### **Statistik Inferensi**

Statistik inferensi digunakan untuk menguji kesemua hipotesis nul yang digunakan. Di antaranya ialah Kolerasi Pearson (Pearsons Corelation), Ujian-t, kaedah Analisis Varians sehala (One Way ANOVA) dan analisis Regresi Berganda (Multiple Regression).

Kolerasi Pearson digunakan untuk menentukan samada wujud hubungan yang signifikan di antara pembolehubah-pembolehubah kajian iaitu bilangan adik beradik, jenis sekolah rendah, mula belajar Bahasa Inggeris, kemudahan pembelajaran dan komitmen ibu bapa.

Ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di antara jantina, lokasi sekolah dan tempat tinggal pelajar iaitu bandar dan luar bandar..

Kaedah Analisis Varians Sehala digunakan untuk membuat perbandingan ke atas min bagi sub-kumpulan yang lebih daripada dua iaitu kaum, bahasa pertuturan, pekerjaan ibu, pekerjaan bapa, pendapatan ibu, pendapatan bapa, pendidikan ibu, pendidikan bapa dan tempat tinggal masa belajar.

Ujian Analisis Regresi Berganda adalah untuk melihat sumbangan beberapa pembolehubah tidak bersandar yang dipilih iaitu faktor sosioekonomi, demografi,

kemudahan pembelajaran, sokongan, tempat tinggal dan lokasi sekolah terhadap pembolehubah bersandar iaitu pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Semua pengujian adalah pada aras keertian 0.05. Keputusan menolak hipotesis nul akan diambil jika nilai kebarangkalian yang diperolehi kurang daripada aras keertian yang telah ditetapkan.

### **3.9 Kajian Rintis**

Kajian rintis (pilot test) telah dijalankan sebelum kajian yang sebenarnya dijalankan. Pelajar yang terlibat adalah seramai 30 orang pelajar-pelajar tingkatan empat. Menurut Bailey (1984) kajian rintis ialah peringkat terakhir dalam pembentukan soal selidik. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk melihat kesesuaian soalan-soalan yang dikemukakan dan menentukan ketekalan serta kebolehpercayaan dalaman (internal reliability) soal selidik yang dibina. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memastikan kefahaman responden dari segi bahasa dan struktur ayat yang digunakan. Melalui kajian rintis ini, pengkaji dapat menentukan kaedah penganalisan data yang akan diperolehi. Secara amnya, kajian rintis adalah untuk memperbaiki rekabentuk instrumen kajian.

Ketekalan dan kebolehpercayaan dalaman soal selidik ini diuji dengan Cronbach Alpha. Sekaran (1992), menjelaskan Cronbach Alpha merupakan 'reliability Coefficient' yang menunjukkan bagaimana sesuainya hubungan item-item sebagai satu set soalan. Semakin hampir nilai Alpha kepada angka 1 maka semakin tinggi kebolehpercayaan dalamannya. Nilai Cronbach Alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah tetapi 0.7 boleh diterima. Seterusnya nilai yang melebihi 0.8 adalah dianggap baik. Nilai Alpha yang ditetapkan di dalam kajian ini ialah melebihi

0.6. Berdasarkan kepada keputusan kajian rintis didapati nilai Cronbach Alpha yang diperolehi ialah 0.844. Ini bermakna soalan soal selidik ini boleh diterima kerana ia melebihi nilai yang ditetapkan.

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

Bab ini akan membicarakan dapatan-dapatan dan penganalisan ke atas hasil kajian. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti hubungan antara pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR dengan faktor sosioekonomi pelajar dan pembolehubah-pembolehubah peramal yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Bahagian pertama membincangkan mengenai dengan latar belakang responden. Bahagian kedua pula akan menghuraikan tentang maklum balas responden terhadap pembolehubah-pembolehubah kajian berdasarkan kepada keputusan pengujian hipotesis.

#### **4.1 Latar belakang Responden**

Sebanyak 140 set borang soal selidik yang diedarkan di empat buah sekolah menengah yang terpilih. Sejumlah 120 set borang soal selidik telah dikembalikan dengan sempurna. Oleh yang demikian, responden kajian ini ialah 120 orang pelajar tingkatan empat. Jumlah ini merupakan 85.7 peratus dari sampel yang telah dipilih. Ini bermakna pulangan soal selidik merupakan satu pulangan yang agak memuaskan.

### Latar belakang Responden Berdasarkan Lokasi Sekolah Dan Tempat Tinggal

Berdasarkan jadual 4.1, jumlah responden dari lokasi sekolah bandar dan luar bandar adalah seimbang iaitu 60 orang atau 50% bagi kedua-dua lokasi. Bagi lokasi tempat tinggal pelajar pula didapati hanya 10 orang atau 8.3% tinggal di bandar, manakala 110 orang atau 91.7% adalah tinggal di kawasan luar bandar. Ini bermakna sebahagian besar responden adalah berasal dari kawasan luar bandar.

**Jadual 4.1 : Latar belakang Responden Berdasarkan Lokasi sekolah dan lokasi tempat tinggal (n=120)**

Kawasan	Bilangan Responden (%)			
	Lokasi sekolah	Peratus	Lokasi Tempat Tinggal	Peratus
Bandar	60	50	10	8.3
Luar Bandar	60	50	110	91.7
JUMLAH	120	100	120	100

### Latar belakang Responden Berdasarkan Jantina

Jadual 4.2 menunjukkan jumlah responden mengikut jantina. Jumlah responden lelaki ialah 53 orang atau 44.2%, manakala responden perempuan adalah seramai 67 orang atau 55.8%. Perangkaan ini menunjukkan responden perempuan melebihi bilangan responden lelaki sebanyak 14 orang atau 11.7%.

**Jadual 4.2 : Latar belakang Responden Berdasarkan Jantina (n = 120)**

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	53	44.2
Perempuan	67	55.8
JUMLAH	120	100

## Latar belakang Responden Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa

**Jadual 4.3 : Latar belakang Responden Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa (n =120)**

Jenis Pekerjaan	Bilangan bapa	Peratus (%)	Bilangan Ibu	Peratus (%)
Bekerja Sendiri	71	59.1	102	85.0
Kakitangan Sokongan	24	20.0	6	5.0
Pegawai Perkhidmatan	15	12.5	11	9.2
Pegawai Pentadbir Kump. A	0	0	0	0
Lain-lain	10	8.4	1	0.8
JUMLAH	120	100	120	100

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan ibu bapa. Bagi pekerjaan bapa responden didapati 71 orang atau 59.1% bekerja sendiri, 24 orang atau 20.0% kakitangan sokongan, 15 orang atau 12.5% pegawai perkhidmatan, tidak terdapat bapa responden bekerja sebagai pegawai pentadbir kumpulan A atau 0% dan 10 orang atau 8.4% lain-lain (bilangan yang tidak bekerja dan bapa yang telah meninggal dunia). Berdasarkan perangkaan tersebut didapati sebahagian besar bapa responden adalah bekerja sendiri.

Pekerjaan ibu responden pula didapati 102 orang atau 85.0% adalah bekerja sendiri, 6 atau 5.0% kakitangan sokongan, 11 orang atau 9.2% pegawai perkhidmatan dan lain-lain pekerjaan 1 atau 0.8%. Perangkaan ini juga menunjukkan sebahagian besar ibu responden adalah bekerja sendiri.

## Latar belakang Responden Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa

Merujuk pada jadual 4.4 didapati bahawa 82 orang atau 68.3% pendapatan bapa kurang daripada RM500.00, 29 orang atau 24.2% pendapatan di antara RM501.00-RM2000.00 dan 4 orang atau 3.3% bapa yang mempunyai pendapatan

RM2001.00-RM3500.00. Tidak ada yang mempunyai pendapatan RM3501.00-RM5000.00 dan lebih RM5000.00 atau 0%. Manakala lain-lain ialah 5 atau 4.2%. Berdasarkan perangkaan tersebut didapati sebahagian besar bapa responden mempunyai pendapatan kurang daripada RM500.00.

Manakala pendapatan ibu pula ialah 67 orang atau 55.8% kurang RM500.00, 16 orang atau 13.3% RM501.00-RM2000.00, tidak ada yang mempunyai pendapatan RM2001.00-RM3500.00, RM3501.00-RM5000.00 dan lebih RM5000.00 atau 0%. Manakala lain-lain ialah 37 orang atau 30.8%. Ini bermakna pendapatan ibu sebahagian besar di bawah RM500.00.

**Jadual 4.4 : Latar belakang Responden Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa (n=120)**

<b>Pendapatan Bulanan (RM)</b>	<b>Bilangan Bapa</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>Bilangan Ibu</b>	<b>Peratus (%)</b>
< 500.00	82	68.3	67	55.8
501.00-2000.00	29	24.2	16	13.3
2001.00-3500.00	4	3.3	0	0
3501.00-5000.00	0	0	0	0
> 5000.00	0	0	0	0
Lain-lain	5	4.2	37	30.8
<b>JUMLAH</b>	<b>120</b>	<b>100</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

#### **Latar belakang Responden Berdasarkan Pendidikan Ibu Bapa**

Jadual 4.5 menunjukkan taburan pendidikan ibu bapa responden. Bagi taraf pendidikan bapa didapati 49 orang atau 40.8% tamat sekolah rendah, 19 orang atau 15.8% SRP/LCE, 21 orang atau 17.5% SPM/MCE, 3 orang atau 2.5% STPM/HSC, 5 orang atau 4.2% Diploma dan 1 orang atau 0.8% Universiti. Manakala lain-lain iaitu yang tidak bersekolah ialah 22 orang atau 18.3%. Perangkaan menunjukkan bahawa pendidikan bapa yang hanya tamat sekolah rendah merupakan bilangan yang besar.

**Jadual 4.5 : Latar belakang Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Ibu Bapa (n = 120)**

Taraf Pendidikan	Bilangan Bapa	Peratus (%)	Bilangan Ibu	Peratus (%)
Tamat Sekolah Rendah	49	40.8	46	38.3
SRP/LCE	19	15.8	22	18.3
SPM/MCE	21	17.5	19	15.8
STPM/HSC	3	2.5	2	1.7
Diploma	5	4.2	1	0.8
Universiti	1	0.8	1	0.8
Lain-lain	22	8.3	29	24.2
JUMLAH	120	100	120	100

**Latar belakang Responden Berdasarkan Bangsa Ibu Bapa**

**Jadual 4.6 : Latar belakang Responden Berdasarkan Bangsa Ibu Bapa (n = 120)**

Bangsa	Bilangan Bapa	Peratus (%)	Bilangan Ibu	Peratus (%)
Melayu	2	1.7	1	0.8
Kadazan/Dusun	88	73.3	96	80.0
Bajau	20	16.7	15	12.5
Murut	1	0.8	1	0.8
Cina	5	4.2	5	4.2
India	0	0	0	0
Lain-lain	4	3.3	2	1.6
JUMLAH	120	100	120	100

Merujuk pada jadual 4.6 menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Bagi bangsa bapa responden, didapati bangsa Melayu 2 atau 1.7%, kadazan/Dusun 88 orang atau 73.3%, Bajau 20 orang atau 16.7%, Murut 1 orang atau 0.8%, Cina 5 orang atau 4.2%, India 0% dan lain-lain bangsa 4 orang atau 3.3%. Perangkaan tersebut menunjukkan bangsa Kadazan/Dusun adalah kumpulan responden yang terbesar. Manakala bangsa ibu pula didapati 1 orang atau 0.8% Melayu, 96 orang

atau 80.0% Kadazan/Dusun, 15 orang atau 12.5% Bajau, 1 orang atau 0.8% Murut, 5 orang atau 4.2% Cina dan lain-lain ialah 2 orang atau 1.6%. Bangsa ibu responden yang terbesar juga Kadazan/Dusun.

### **Latar belakang Responden Berdasarkan Bahasa Pertuturan**

Jadual 4.7 menunjukkan bahasa pertuturan responden di rumah. Didapati bahasa pertuturan yang digunakan ialah 43 orang atau 35.8% bahasa Melayu, 2 orang atau 1.7% bahasa Inggeris, 38 orang bahasa Kadazan/Dusun atau 31.7%, 7 orang atau 5.8% bahasa Bajau, 5 orang atau 4.2% bahasa Cina, manakala lain-lain ialah 25 orang atau 20.8%.

**Jadual 4.7 : Latar belakang responden Berdasarkan Bahasa Pertuturan (n=120)**

<b>Bahasa Pertuturan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Bahasa Melayu	43	35.8
Bahasa Inggeris	2	1.7
Bahasa Kadazan/Dusun	38	31.7
Bahasa Bajau	7	5.8
Bahasa Cina	5	4.2
Lain-lain	25	20.8
<b>JUMLAH</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

### **Latar belakang Responden Berdasarkan Tempat Tinggal Semasa Belajar**

Jadual 4.8 menunjukkan taburan tempat tinggal responden masa belajar. Adalah didapati bahawa 81 orang atau 67.5 % tinggal di rumah sendiri, 37 orang atau 30.8 tinggal di asrama dan hanya 2 orang atau 1.7% lain-lain tempat tinggal iaitu tinggal menumpang di rumah saudara mara.

**Jadual 4.8 : Latar belakang Responden Berdasarkan Tempat Tinggal Semasa Belajar (n =120)**

Tempat tinggal	Bilangan	Peratus
Rumah	81	67.5
Asrama	37	30.8
Lain-lain	2	1.7
JUMLAH	120	100

**Latar belakang responden Berdasarkan Bilangan Adik beradik**

Jadual 4.9 adalah taburan bilangan adik beradik responden. Didapati bahawa 4 orang iaitu 3.3% anak tunggal, 14 orang atau 11.7% 2-3 orang, 33 orang atau 27.5% 4-5 orang, 28 orang atau 23.3% 6-7 orang, manakala 41 orang atau 34.2% lebih 7 orang. Ini bermakna bilangan adik beradik lebih 7 orang adalah yang terbesar sekali.

**Jadual 4.9 : Latar belakang Responden Berdasarkan Bilangan Adik Beradik (n = 120)**

Bilangan adik beradik	Bilangan	Peratus
Anak tunggal	4	3.3
2 - 3 orang	14	11.7
4 - 5 orang	33	27.5
6 - 7 orang	28	23.3
Lebih 7 orang	41	34.2
JUMLAH	120	100

**Latar belakang Responden Berdasarkan Jenis Sekolah Rendah**

Berdasarkan kepada jadual 4.10, didapati 74 orang iaitu 61.7% adalah dari Sekolah Kebangsaan, 39 orang atau 32.5% dari Sekolah Rendah Kebangsaan dan 7 orang atau 5.8% dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Ini bmenunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah dari Sekolah Kebangsaan.

**Jadual 4.10 : Latar belakang Responden Berdasarkan Jenis Sekolah Rendah (n = 120)**

Jenis Sekolah Rendah	Bilangan	Peratus
Sekolah Kebangsaan	74	61.7
Sekolah Rendah Kebangsaan	39	32.5
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan	7	5.8
JUMLAH	120	100

**Latar belakang Responden Berdasarkan Mula Belajar Bahasa Inggeris**

Jadual 4.11 adalah taburan responden berdasarkan permulaan mempelajari Bahasa Inggeris iaitu 34 orang atau 28.3% mula masa peringkat tadika, 76 orang atau 63.3% darjah 1 dan lain-lain ialah 10 orang atau 8.3%. Perangkaan tersebut menunjukkan sebahagian besar responden mula belajar Bahasa Inggeris semasa dalam darjah 1.

**Jadual 4.11 : Latar belakang Responden Berdasarkan Mula Belajar Bahasa Inggeris (n=120)**

Mula Belajar Bahasa Inggeris	Bilangan	Peratus
Tadika	34	28.3
Darjah 1	76	63.3
Lain-lain	10	8.3
JUMLAH	120	100

**Latar belakang Responden Berdasarkan Bilangan Buku Bahasa Inggeris**

**Jadual 4.12 : Latar belakang Responden berdasarkan Bilangan Buku Bahasa Inggeris (n=120)**

Bilangan Buku	Bilangan	Peratus
Tidak Ada	9	7.5
1 buah	23	19.2
2 buah	32	26.7
3 buah	13	10.8
Lebih 4 buah	34	35.8
JUMLAH	120	100

Jadual 4.12 adalah taburan responden berdasarkan bilangan buku Bahasa Inggeris yang dimiliki. Seramai 9 orang iaitu 7.5% tidak ada, 23 orang atau 19.2% 1 buah, 32 orang atau 26.7% 2 buah, 13 orang atau 10.8% 3 buah, manakala 34 orang atau 35.8% yang memiliki lebih 4 buah buku Bahasa Inggeris.

### **Latar belakang Responden Berdasarkan Kursus Motivasi**

Jadual 4.13 menunjukkan 39 orang atau 32.5% tidak pernah mengikuti kursus motivasi Bahasa Inggeris, 25 orang atau 20.8% 1 kali, 19 orang atau 15.8% 2 kali, 8 orang atau 6.7% 3 kali dan 29 orang iaitu 24.2% responden yang mengikuti kursus motivasi lebih 4 kali

**Jadual 4.13 : Latar belakang Responden Berdasarkan Kursus Motivasi (n = 120)**

<b>Kekerapan sertai Motivasi</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Tidak Pernah	39	32.5
1 kali	25	20.8
2 kali	19	15.8
3 kali	8	6.7
Lebih 4 kali	29	24.2
<b>JUMLAH</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

### **Latar belakang Responden Berdasarkan Bengkel/Teknik Menjawab Bahasa Inggeris**

Jadual 4.14 adalah taburan responden berdasarkan bengkel/teknik menjawab soalan Bahasa Inggeris. Seramai 94 orang atau 78.3% tidak pernah mengikuti bengkel, 13 orang atau 10.8% 1 kali, 7 orang atau 5.8% 2 kali, 4 orang iaitu 3.3% 3 kali dan hanya 2 orang iaitu 1.7% lebih 4 kali. Perangkaan ini menunjukkan

kebanyakan responden tidak pernah mengikuti bengkel/teknik menjawab soalan Bahasa Inggeris.

**Jadual 4. 14 : Latar belakang Responden Berdasarkan Bengkel/Teknik Menjawab Bahasa Inngeris (n=120)**

<b>Kekerapan sertai Bengkel</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Tidak Pernah	94	78.3
1 kali	13	10.8
2 kali	7	5.8
3 kali	4	3.3
Lebih 4 kali	2	1.7
JUMLAH	120	100

**Latar belakang Responden berdasarkan Kemudahan Media Elektronik**

Berdasarkan jadual 4.15 didapati 37 orang atau 30.8% yang mempunyai kemudahan televisyen/Video. Seramai 47 orang iaitu 39.2% yang hanya memiliki radio/kaset sahaja, 3 orang atau 2.5% komputer/CD-ROM, manakala lain-lain ialah 33 orang atau 27.5. Kumpulan lain-lain adalah termasuk responden yang memiliki kedua-dua kemudahan televisyen/Video dan radio/kaset serta yang tidak mempunyai sebarang kemudahan media elektronik yang dapat membantu pembelajaran Bahasa Inggeris.

**Jadual 4.15 : Latar belakang responden Berdasarkan Media Elektronik (n=120)**

<b>Jenis Media Elektronik</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Televisyen/Video	37	30.8
Radio/kaset	47	39.2
Komputer/CD-ROM	3	2.5
Lain-lain	33	27.5
JUMLAH	120	100

### Latar belakang Responden Berdasarkan Kelas Tuisyen

Jadual 4.16 menunjukkan taburan responden berdasarkan kelas tuisyen di mana didapati hanya 21 orang atau 17.5% sahaja yang pernah mengikuti kelas tersebut. Sementara 99 orang iaitu 82.5% yang tidak pernah mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris.

**Jadual 4.16 : Latar belakang Responden Berdasarkan Kelas Tuisyen (n = 120)**

Kelas Tuisyen	Bilangan	Peratus
Ya	21	17.5
Tidak	99	82.5
JUMLAH	120	100

### Latar belakang Responden Berdasarkan Tempat Belajar Yang Selesa

Merujuk pada jadual 4.17 didapati seramai 74 orang atau 61.7% responden mempunyai tempat belajar yang selesa di rumah atau tempat tinggal mereka. Manakala 46 orang iaitu 38.3% responden yang tidak mempunyai tempat yang selesa untuk belajar. Ini disebabkan tempat yang tidak cukup kemudahan seperti bekalan elektrik, perabot dan ruang tempat yang sesuai untuk belajar.

**Jadual 4.17 : Latar belakang Responden Berdasarkan Tempat Belajar Selesa (n=120)**

Tempat Selesa	Bilangan	Peratus
Ya	74	61.7
Tidak	46	38.3
JUMLAH	120	100

## 4.2 Pengujian Hipotesis

Analisis berikut adalah berkaitan dengan hasil dapatan ujian statistik inferens yang telah ditetapkan mengikut hipotesis-hipotesis dalam kajian ini. Ini

akan dapat menjelaskan tentang perbezaan dan hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar iaitu pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.

**Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lokasi sekolah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Keputusan untuk Ujian-t di antara kedua-dua pembolehubah dapat dilihat dalam jadual 4.18. Didapati nilai  $t = 1.282$  menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian  $p = 0.202 > 0.05$ . Ini bermakna Ho1 gagal ditolak pada paras keyakinan 95 peratus. Oleh itu, Ho1 yang menyatakan 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lokasi sekolah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' adalah diterima.

**Jadual 4.18: Perbezaan di antara lokasi sekolah dengan pencapaian Bahasa Inggeris**

Lokasi Sekolah	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	dk	P
Bandar	60	2.98	1.30	1.282	118	0.202
Luar bandar	60	2.68	1.27			

**Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Hipotesis ini diuji menggunakan ujian-t. Jadual 4.19 menunjukkan min pelajar lelaki ialah 2.75 dan min pelajar perempuan ialah 2.90, nilai  $t = -0.594$  yang tidak signifikan pada aras keertian  $p > 0.05$ . Ini bermakna Ho2 gagal ditolak pada paras keyakinan 95 peratus. Oleh itu, Ho2 yang menyatakan 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' adalah diterima.

**Jadual 4.19 : Perbezaan di antara jantina dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR**

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	dk	P
Lelaki	53	2.75	1.33	-0.594	118	0.554
Perempuan	67	2.90	1.26			

**Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kaum pelajar dengan Pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Analisis varian ANOVA sehala (Oneway ANOVA) telah digunakan untuk menganalisis perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Merujuk kepada jadual 4.20 didapati kaum tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR. Ini dapat dilihat di mana nilai  $F = 0.481$ ,  $p > 0.05$  iaitu 0.749. Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian Bahasa Inggeris PMR di kalangan pelajar kaum Melayu, Kadazan/Dusun, Bajau, Murut, Cina dan Lain-lain. Disebabkan nilai  $F$  tidak bererti pada paras 0.05, maka Ho3 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kaum pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris diterima.

**Jadual 4.20: Perbezaan di antara kaum dan pencapaian Bahasa Inggeris PMR**

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	Nisbah F	P
Antara Kumpulan	2.061	4	0.515	4.81	0.749
Dalam Kumpulan	123.106	115	1.070		
Jumlah	125.167	119			

**Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara bahasa pertuturan pelajar di rumah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Hipotesis ini juga diuji menggunakan analisis Varian ANOVA sehala. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara bahasa pertuturan pelajar di rumah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Merujuk kepada jadual 4.21 didapati nilai  $F = 2.824$ ,  $p < 0.05$  iaitu 0.019. Oleh itu, Ho4 yang menyatakan 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara bahasa pertuturan pelajar di rumah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris' adalah gagal diterima. Ini bermakna Ho4 ditolak.

**Jadual 4.21: Perbezaan antara bahasa pertuturan dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR.**

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	Nisbah F	P
Antara Kumpulan	21.677	5	4.335	2.824	0.019
Dalam Kumpulan	174.990	114	1.535		
Jumlah	196.667	119			

**Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Berdasarkan jadual 4.22 ujian ANOVA menunjukkan  $F = 7.440$  yang signifikan ( $p = 0.001 < 0.05$ ). Oleh itu, Ho5 ditolak pada paras keyakinan 95 peratus. Ini adalah kerana terdapat hubungan yang signifikan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.

**Jadual 4.22 : Perbezaan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR**

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	Nisbah F	P
Antara Kumpulan	22.357	2	11.179	7.440	0.001
Dalam Kumpulan	174.282	116	1.502		
Jumlah	196.639	119			

**Ho6 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR**

Dengan merujuk pada jadual 4.23, menunjukkan bahawa pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan pekerjaan bapa. Dapatan kajian menunjukkan nilai  $F = 0.112$  yang tidak signifikan ( $P = 0.112 > 0.05$ ). Ho6 yang menyatakan 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' gagal ditolak.

**Jadual 4.23: Perbezaan di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR**

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	Nisbah F	P
Antara Kumpulan	10.150	3	3.383	2.042	0.112
Dalam Kumpulan	178.957	108	1.657		
Jumlah	189.107	111			

**Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Merujuk kepada jadual 4.24 didapati ujian ANOVA menunjukkan  $F = 5.178$  yang signifikan ( $p = 0.007 < 0.05$ ). Oleh itu, Ho7 yang menyatakan ' tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' adalah ditolak pada paras keyakinan 95 peratus. Ini

membuktikan pendapatan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.

**Jadual 4.24 : Perbezaan di antara pendapatan ibu dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR**

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	Nisbah F	P
Antara Kumpulan	15.993	2	7.997	5.178	0.007
Dalam Kumpulan	180.673	117	1.544		
Jumlah	196.667	119			

**Ho8 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Dapatan ujian ANOVA yang ditunjukkan dalam jadual 4.25, menunjukkan bahawa nilai  $F = 10.180$  adalah signifikan ( $P = 0.000 < 0.05$ ). Ini membuktikan pendapatan bapa mempunyai perbezaan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Oleh itu, Ho8 yang menyatakan 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' adalah ditolak pada paras keyakinan 95 peratus.

**Jadual 4.25 : Perbezaan di antara pendapatan bapa dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR**

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	Nisbah F	P
Antara Kumpulan	29.821	2	14.911	10.180	0.000
Dalam Kumpulan	164.040	112	1.465		
Jumlah	193.861	114			

**Ho9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendidikan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Berdasarkan jadual 4.26 didapati ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendidikan ibu dengan pencapaian mata

pelajaran Bahasa Inggeris iaitu nilai  $F = 4.757$  ( $p = 0.000 < 0.05$ ). Oleh itu,  $H_09$  yang menyatakan 'tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pendidikan ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris' ditolak pada paras keyakinan 95 peratus.

**Jadual 4.26 : Perbezaan di antara pendidikan ibu dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR**

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	Nisbah F	P
Antara Kumpulan	39.937	6	6.656	4.757	0.000
Dalam Kumpulan	155.317	111	1.399		
Jumlah	195.254	117			

**$H_{010}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendidikan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Berdasarkan jadual 4.27, didapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendidikan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris di mana nilai  $F = 3.358$  iaitu  $P = 0.004 < 0.05$ . Ini bermakna  $H_{010}$  yang menyatakan 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendidikan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' ditolak pada paras keyakinan 95 peratus.

**Jadual 4.27 : Perbezaan di antara pendidikan bapa dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR.**

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	Nisbah F	P
Antara Kumpulan	30.203	6	5.034	3.358	0.004
Dalam Kumpulan	166.407	111	1.499		
Jumlah	196.610	117			

**$H_{011}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempat tinggal pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Jadual 4.28 menunjukkan perbezaan di antara tempat tinggal pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Hipotesis ini diuji menggunakan Ujian-t

di mana min pelajar dari bandar ialah 3.50 dan min pelajar dari luar bandar ialah 2.77. Nilai  $t = 1.727$  yang tidak signifikan pada aras keertian  $p = 0.87 > 0.05$ . Ini bermakna  $H_{011}$  yang menyatakan 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempat tinggal pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris' diterima pada paras keyakinan 95 peratus.

**Jadual 4.28: Perbezaan di antara lokasi tempat tinggal dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR**

Lokasi tempat tinggal	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	P
Bandar	3.50	1.08	1.727	0.87
Luar Bandar	2.77	1.29		

**$H_{012}$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara bilangan adik beradik dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Jadual 4.29 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara bilangan adik beradik dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris para pelajar dalam PMR. Ini adalah kerana nilai  $r = -0.116$ , ( $p = 0.029 < 0.05$ , iaitu semakin ramai bilangan adik beradik dalam sesebuah keluarga, maka semakin jelaslah pencapaian prestasi Bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bilangan adik beradik yang sedikit menjadikan ibu bapa lebih komited terhadap pembelajaran anak-anak berbanding dengan keluarga yang mempunyai bilangan adik beradik yang ramai. Oleh itu,  $H_{012}$  ditolak pada paras keyakinan 95 peratus kerana terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah.

**Jadual 4.29: Hubungan di antara bilangan adik beradik dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR.**

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pencapaian Bahasa Inggeris PMR	
	$r$	P
Bilangan adik beradik	-0.116	0.029

**Ho13: Tidak terdapat perbezaan di antara tempat tinggal pelajar semasa belajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.**

Jadual 4.30 menunjukkan pengujian hipotesis yang menggunakan Analisis Varian (ANOVA) sehala mendapati nilai nisbah  $F = 4.926$ ,  $p < 0.05$  iaitu bererti pada 0.001. Disebabkan nilai  $F$  bererti pada paras keyakinan 0.05, maka Ho13 yang menyatakan 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempat tinggal pelajar semasa bersekolah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' adalah ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempat tinggal pelajar semasa belajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.

**Jadual 4.30 : Perbezaan di antara tempat tinggal pelajar semasa belajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris**

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	Nisbah F	P
Antara Kumpulan	4.533	4	1.133	4.926	0.001
Dalam Kumpulan	26.459	115	0.230		
Jumlah	30.992	119			

**Ho14: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis sekolah rendah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Berdasarkan jadual 4.31 didapati koefisien korelasi ( $r$ ) yang dinyatakan adalah 0.193 adalah signifikan pada  $p = 0.035 < 0.05$ . Oleh itu Ho14 yang menyatakan 'tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis sekolah rendah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' ditolak pada paras keyakinan 95 peratus. Ini bermakna jenis sekolah rendah yang dihadiri oleh pelajar semasa di sekolah rendah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.

**Jadual 4.31 : Hubungan di antara jenis sekolah rendah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.**

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pencapaian Bahasa Inggeris PMR	
	<u>r</u>	<u>P</u>
Jenis Sekolah Rendah	0.193	0.035

**Ho15: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara masa mula belajar Bahasa Inggeris dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Keputusan ujian korelasi seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.32, membuktikan bahawa  $r = -0.262$  adalah signifikan pada aras keertian  $p = 0.004 < 0.05$ . Oleh itu, Ho15 yang menyatakan 'tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara masa mula belajar Bahasa Inggeris dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' ditolak pada paras keyakinan 95 peratus. Ini menunjukkan bahawa masa mula belajar Bahasa Inggeris mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Pendedahan asas pembelajaran Bahasa Inggeris sejak peringkat kanak-kanak adalah amat penting untuk mendapatkan penguasaan yang lebih baik terhadap bahasa tersebut.

**Jadual 4.32 : Hubungan di antara masa mula belajar Bahasa Inggeris dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.**

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pencapaian Bahasa Inggeris PMR	
	<u>r</u>	<u>P</u>
Mula belajar Bahasa Inggeris	-0.262	0.004

**Ho16: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemudahan pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Jadual 4.33 menunjukkan hasil ujian korelasi ( $r$ ) bagi kedua-dua pembolehubah hipotesis Ho16. Ujian korelasi menunjukkan bahawa  $r = 0.125$  adalah

signifikan pada  $p = 0.004 < 0.05$ . Oleh itu Ho13 yang menyatakan 'tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemudahan pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris' ditolak pada paras keyakinan 0.05. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa kemudahan pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Dengan kata lain kemudahan pembelajaran adalah mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar PMR.

**Jadual 4.33: Hubungan di antara kemudahan pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pencapaian Bahasa Inggeris PMR	
	<u>r</u>	<u>P</u>
Kemudahan pembelajaran	0.125	0.004

**Ho17: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR**

Hasil ujian korelasi ( $r$ ) yang digunakan untuk menguji hipotesis Ho14 ditunjukkan dalam jadual 4.34. Berdasarkan kepada hasil dapatan tersebut didapati koefisien korelasi yang dinyatakan menunjukkan nilai  $r = 0.002$  yang tidak signifikan pada  $p = 0.980 > 0.05$ . Ini menyebabkan Ho17 adalah diterima pada paras keyakinan 95 peratus. Dengan kata lain, Ho17 yang menyatakan 'tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR' diterima. Ini bermakna komitmen ibu bapa tidak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

**Jadual 4.34 : Hubungan di antara komitmen ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR**

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pencapaian Bahasa Inggeris PMR	
	<u>r</u>	<u>P</u>
Komitmen ibu bapa	0.002	0.980

**Ho18: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor sosioekonomi, demografi, kemudahan pembelajaran, sokongan, tempat tinggal dan lokasi sekolah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Hipotesis ini diuji menggunakan ujian statistik Analisis Regresi Berganda.

Keputusan ujian adalah seperti dalam jadual 4.35 yang ditunjukkan di bawah.

Multiple Regression : 0.638  
 R Square : 0.407  
 Adjusted R Square : 0.055  
 Standard Error : 1.06

**Analysis Of Variance**

	DF	Sum of Square	Mean Square
Regression	7	76.277	10.897
Residual	100	111.353	1.114
F = 9.786		Signif. F = 0.000	

Pembolehubah	B	Std. Error B	Beta	t	Sig. T
Sosioekonomi	6.930E-02	0.013	0.432	5.135	0.000
Demografi	-0.348	0.095	-0.309	-3.673	0.000
Kemudahan	0.472	0.123	0.328	3.836	0.000
Sokongan	-9.62E-02	0.027	-0.282	-3.535	0.001
Tempat tinggal masa belajar	2.307E-02	0.019	0.097	1.230	0.222
Lokasi sekolah	5.329E-02	0.045	0.094	1.179	0.241

Berdasarkan keputusan ujian Analisis Regresi Berganda yang ditunjukkan dalam jadual 4.34 menunjukkan bahawa statistik F ( $F = 9.786$ ) adalah signifikan pada paras  $F = 0.000 < 0.05$ . Ini bermakna hipotesis Ho18 yang menyatakan 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor sosioekonomi, demografi, kemudahan pembelajaran, tempat tinggal masa belajar dan lokasi sekolah dengan

pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR ditolak pada paras keyakinan 95 peratus. Keenam-enam pembolehubah peramal tersebut bersama-sama menerangkan 40.7% dalam pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris ( $R^2 = 0.407$ ,  $F = 9.786$ ,  $P = 0.000$ ). Merujuk kepada data ini jelas menunjukkan hanya faktor sosioekonomi yang signifikan pada ( $\text{Sig.T} = 0.000 < 0.05$ ). Selain daripada itu, faktor sosioekonomi mempunyai pengaruh yang paling besar dengan nilai beta yang tertinggi iaitu 0.432. Ini membuktikan bahawa faktor sosioekonomi yang diperolehi oleh pelajar-pelajar amat penting dalam proses pembelajaran Bahasa Inggeris.

### **4.3 Kesimpulan**

Berdasarkan analisis kesemua dapatan mengikut turutan hipotesis dengan ujian statistik inferens yang bersesuaian, didapati Ho1, Ho2, Ho3, Ho6, Ho11, dan Ho17 adalah diterima. Keputusan hipotesis kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan dan hubungan yang signifikan di antara lokasi sekolah, jantina, kaum, pekerjaan bapa, lokasi tempat tinggal dan komitmen ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Manakala Ho4, Ho5, Ho7, Ho8, Ho9, Ho10, Ho12, Ho13, Ho14, Ho15, Ho16 dan Ho18 adalah ditolak. Ini menunjukkan bahawa bahasa pertuturan, pekerjaan ibu, pendapatan ibu, pendapatan bapa, pendidikan ibu, pendidikan bapa, bilangan adik beradik, tempat tinggal semasa belajar, jenis sekolah rendah, masa mula belajar Bahasa Inggeris, kemudahan pembelajaran dan faktor-faktor sosioekonomi, demografi, kemudahan pembelajaran, sokongan, tempat tinggal dan lokasi sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Jadual 4.36 menunjukkan rumusan hipotesis kajian.

**Jadual 4.36 : Rumusan Keputusan Kajian Hipotesis**

	<b>Pengujian Hipotesis</b>	<b>Keputusan</b>
Ho1	Lokasi Sekolah	Perbezaan Tidak Signifikan
Ho2	Jantina	Perbezaan Tidak Signifikan
Ho3	Kaum	Perbezaan Tidak Signifikan
Ho4	Bahasa pertuturan	Perbezaan Signifikan
Ho5	Pekerjaan Ibu	Perbezaan Signifikan
Ho6	Pekerjaan Bapa	Perbezaan Tidak Signifikan
Ho7	Pendapatan Ibu	Perbezaan Signifikan
Ho8	Pendapatan Bapa	Perbezaan Signifikan
Ho9	Pendidikan Ibu	Perbezaan Signifikan
Ho10	Pendidikan Bapa	Perbezaan Signifikan
Ho11	Tempat Tinggal	Perbezaan Tidak Signifikan
Ho12	Bilangan adik beradik	Hubungan Signifikan
Ho13	Tempat Tinggal Masa Belajar	Perbezaan Signifikan
Ho14	Jenis Sekolah Rendah	Hubungan Signifikan
Ho15	Mula Belajar Bahasa Inggeris	Hubungan Signifikan
Ho16	Kemudahan Pembelajaran	Hubungan Signifikan
Ho17	Komitmen Ibu Bapa	Hubungan Tidak Signifikan
Ho18	Faktor Sosioekonomi, Demografi Kemudahan Pembelajaran Sokongan Tempat tinggal Lokasi sekolah	Perbezaan Signifikan.

## **BAB LIMA**

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Bab ini membincangkan hipotesis-hipotesis penyelidikan berdasarkan sokongan dapatan dan keputusan kajian yang telah dihuraikan dalam Bab Empat. Seterusnya perbincangan tentang implikasi-implikasi dan cadangan-cadangan untuk pihak pengurusan dan pentadbiran pendidikan, guru, ibu bapa dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

#### **5.1 Perbincangan**

##### **Hipotesis 1 : Perbezaan di antara lokasi sekolah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR**

Kajian ini menunjukkan bahawa lokasi sekolah tidak membawa perbezaan dari segi pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Hasil kajian telah mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lokasi sekolah dan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Perbezaan yang tidak signifikan ini berkemungkinan disebabkan pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah-sekolah bandar adalah sebahagian besar adalah pelajar yang berasal dari luar bandar. Ini bermakna pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris tidak menunjukkan perbezaan yang ketara di antara sekolah bandar dan luar bandar. Responden kajian yang terpilih adalah 91.7% adalah pelajar yang berasal dari luar bandar. Ini menyebabkan hasil kajian adalah bertentangan dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh

Leong Yin Ching et al (1990) yang menyatakan pencapaian pelajar-pelajar bandar menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan pencapaian di sekolah luar bandar.

**Hipotesis 2 : Perbezaan di antara jantina pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pencapaian pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Ini bermakna pencapaian pelajar lelaki dan perempuan adalah setara walaupun dari latar belakang sosioekonomi yang sama. Faktor jantina bukanlah faktor dominan yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Mungkin sikap di kalangan pelajar terhadap pelajaran adalah lebih penting. Dapatan kajian ini tidak konsisten dengan kajian yang dilakukan oleh Bourdieu dan Passeron (1979), Mohd Any Sujak (1979), dan Hamzah Haji Mohamed (1979) yang menjelaskan bahawa pencapaian akademik pelajar adalah dipengaruhi oleh faktor jantina iaitu pencapaian pelajar perempuan dari kelas bawahan adalah lebih baik berbanding dengan pencapaian pelajar lelaki dari kelas sosial yang sama.

**Hipotesis 3 : Perbezaan di antara kaum dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR**

Kajian ini menunjukkan kaum pelajar tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Dapatan ini bertentangan dengan kajian Kamarudin Haji Kachar (1984) dan kajian UKM (1983) yang menyatakan terdapat perbezaan pencapaian prestasi pelajar bumiputera dengan bukan bumiputera. Ini bermakna pencapaian pelajar bumiputera dan bukan

bumiputera adalah sama. Dapatan kajian ini tidak dapat menggambarkan keadaan yang sebenar perbezaan pencapaian antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Ini adalah disebabkan 92.5% responden adalah dari kelompok kaum bumiputera, hanya 4.2% responden kaum Cina, 3.3% adalah kaum kacukan dan tidak terdapat responden yang mewakili kaum India. Manakala tahap penguasaan dan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Melayu, Kadazan/Dusun, Bajau, Murut dan kelompok-kelompok penduduk pribumi yang lain adalah berada pada tahap yang sama. Ini mungkin disebabkan ciri-ciri demografi dan latar belakang sosioekonomi di antara kaum bumiputera yang terdapat di Sabah adalah tidak jauh berbeza.

Sebahagian besar pelajar yang bersekolah di empat buah sekolah yang menjadi sampel kajian dan semua sekolah menengah di daerah Tuaran/Tamparuli adalah terdiri daripada kaum bumiputera dan hanya sebahagian kecil sahaja pelajar bukan bumiputera seperti kaum Cina. Ini adalah kerana pelajar-pelajar Cina biasanya melanjutkan pelajaran di sekolah menengah jenis kebangsaan Cina yang kebanyakannya terletak di bandar-bandar besar seperti Kota Kinabalu. Kaum India yang terdapat di Sabah hanya sebahagian kecil sahaja. Oleh itu, gambaran sebenar tentang perbezaan pencapaian pelajar kaum bumiputera dengan bukan bumiputera tidak dapat dijelaskan secara tepat. Kajian ini tidak konsisten dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Haron Isahak (1983) yang menyatakan bahawa tahap pencapaian pelajar Cina dan India dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah lebih baik berbanding dengan pencapaian pelajar Melayu.

#### **Hipotesis 4 : Perbezaan di antara bahasa pertuturan pelajar di rumah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.**

Kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara bahasa pertuturan pelajar di rumah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Sebahagian besar responden menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pertuturan di rumah. Biasanya, bahasa pertuturan di rumah adalah mengikut bahasa ibunda masing-masing (kaum-kaum yang terdapat di Sabah). Bagaimanapun, terdapat kaum Kadazan/Dusun, Bajau dan kaum-kaum pribumi lain yang menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan di rumah.

Bagi kaum pribumi yang berkahwin dengan kaum lain, mereka biasanya menggunakan bahasa pertuturan mengikut bahasa pertuturan keturunan bapa dan ibu. Misalnya keturunan Sino-Kadazan iaitu kacukan antara kaum Kadazan/Dusun dan kaum Cina boleh bertutur bahasa Kadazan/Dusun, bahasa Cina, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bagi mereka yang mempunyai latar belakang dan kemahiran penguasaan pendidikan Inggeris lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan. Oleh itu, pelajar-pelajar yang terdedah dengan pertuturan Bahasa Inggeris lebih mudah memahami dan menguasai pembelajaran terhadap bahasa tersebut. Hasil kajian ini konsisten dengan dapatan kajian Chandrasegaran (1979) yang menyatakan bahwa pencapaian pelajar dalam Bahasa Inggeris mempunyai hubungan dengan pendedahan yang diterima di kawasan tempat tinggal mereka.

**Hipotesis 5 : Perbezaan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Ini membuktikan jenis pekerjaan ibu mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Keputusan kajian ini adalah bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Noorman (1976) yang menjelaskan bahawa ibu yang mempunyai status pekerjaan yang tinggi, anak-anak mereka lebih cenderung untuk mendapat pencapaian yang cemerlang berbanding dengan pelajar yang ibu mereka dari status pekerjaan yang rendah. Terdapat sebahagian kecil sahaja ibu yang bekerja dalam sektor awam dan swasta seperti guru, kerani dan lain-lain. Misalnya, didapati bahawa pelajar-pelajar yang ibu mereka bekerja seperti sebagai guru mempunyai keputusan yang lebih baik. Ibu daripada golongan ini dapat mempengaruhi anak-anak mereka agar mereka berjaya dalam bidang pelajaran dan memperolehi pekerjaan yang lebih baik.

**Hipotesis 6 : Perbezaan di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Hasil ujian ANOVA menunjukkan bahawa pekerjaan bapa tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Ini mungkin disebabkan bilangan bapa responden yang mempunyai status pekerjaan yang tinggi adalah terlalu sedikit. Sebahagian besar daripada responden kajian ini adalah merupakan anak kepada golongan yang bekerja sendiri iaitu sebagai petani dan nelayan. Oleh itu, pekerjaan bapa kurang mempengaruhi terhadap pencapaian pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Dapatan kajian adalah

bertentangan dengan hasil kajian Noorman (1976) yang menyatakan bahawa pekerjaan bapa mempunyai pengaruh terhadap pencapaian akademik.

Namun demikian, terdapat juga pelajar-pelajar yang bapa mereka tidak mempunyai status pekerjaan yang tinggi masih dapat mencapai keputusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Menurut T. Marimuthu (1990) bapa yang cita-citanya telah terhalang dan yang tidak menyukai status pekerjaannya, lebih berkemungkinan membangkitkan dan menggerakkan anak-anaknya dengan hasrat meningkatkan pendidikan. Ainsworth dan Batten (1974) dirujuk oleh Hazil Abdul Hamid pula, menyatakan bahawa sikap ibu bapa terhadap proses pendidikan adalah lebih mempengaruhi pencapaian pelajar berbanding dengan tahap pekerjaan mereka.

**Hipotesis 7 : Perbezaan di antara pendapatan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Hasil kajian ini mendapati bahawa pendapatan ibu mempunyai perbezaan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Ini menjelaskan bahawa pendapatan ibu mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Ibu-ibu yang mempunyai pendapatan tetap dapat menambahkan penyediaan kemudahan dan bahan-bahan pembelajaran untuk anak-anak mereka berbanding dengan ibu yang tidak mempunyai pendapatan. Pendapatan ibu dapat membantu menambahkan pendapatan keluarga tanpa bergantung sepenuhnya terhadap pendapatan bapa. Kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Heyns (1978) dan Lerman, stroup dan Robbins (1972) menyatakan pendapatan keluarga membolehkan penyediaan kemudahan-kemudahan pembelajaran di rumah yang dapat membantu meningkatkan pencapaian anak-anak mereka.

**Hipotesis 8 : Perbezaan di antara pendapatan bapa dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR.**

Kajian ini membuktikan pendapatan bapa mempunyai pengaruh terhadap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Pelajar yang bapa mereka mempunyai pendapatan yang stabil dan tinggi lebih cenderung mendapat keputusan yang baik dalam pelajaran. Ini adalah kerana bapa lebih bertanggungjawab menyediakan pembiayaan kewangan untuk pembelajaran anak-anak mereka. Kajian ini adalah konsisten dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Sharifah Md. Nor (1992) dan Abdul Aziz (1989) yang menjelaskan bahawa pendapatan bapa mempunyai pengaruh terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar.

**Hipotesis 9 : Perbezaan di antara pendidikan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Berdasarkan kepada keputusan didapati hipotesis ini menunjukkan terdapat yang signifikan di antara pendidikan ibu dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Pendidikan ibu mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Ibu yang berpendidikan lebih menyedari akan kepentingan pendidikan dan sentiasa berusaha memberi sokongan, dorongan dan motivasi kepada anak-anak mereka.

Ibu daripada golongan yang berpendidikan mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam pembentukan hala tuju anak-anak. Ini adalah disebabkan ibu golongan ini mendapat maklumat yang lebih banyak berkaitan dengan peluang-peluang pendidikan masa depan melalui media massa dan juga melalui pembacaan mereka. Berbanding dengan ibu yang tidak atau kurang berpendidikan kurang terdedah dengan maklumat-maklumat peningkatan akademik dan peluang-peluang pendidikan terutama sekali mereka yang tinggal di

kawasan-kawasan luar bandar. Hasil kajian ini adalah selaras dengan kajian yang telah dilakukan oleh Baker dan Stevenson (1986) dan Siti Noor Yaakob (1990) yang mendapati bahawa ibu-ibu yang memperolehi pendidikan yang lebih tinggi mempunyai lebih banyak strategi untuk meningkatkan prestasi akademik anak-anak mereka.

#### **Hipotesis 10 : Perbezaan di antara pendidikan bapa dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendidikan bapa mempunyai perbezaan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Ini bermakna bapa yang berpendidikan lebih komited terhadap pencapaian akademik anak-anak mereka. Hasil kajian ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Maccoby dan Martin (1983) dan Abdul Aziz (1989) yang menyatakan pendidikan bapa mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pelajar-pelajar. Pendidikan ibu bapa banyak mempengaruhi pencapaian dalam pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Misalnya, keluarga yang berpendidikan lebih cenderung bertutur dalam Bahasa Inggeris dan menyediakan bahan-bahan rujukan yang sesuai untuk membantu tahap penguasaan anak-anak mereka dalam bahasa tersebut.

Bagaimanapun, ini bukan bermakna anak-anak yang bapa mereka tidak berpendidikan tidak berpeluang untuk mendapat pencapaian yang lebih baik. Ini adalah kerana terdapat pelajar-pelajar daripada golongan yang kurang berpendidikan berjaya dalam bidang akademik. Hasil Abdul Hamid (1990) dan Dr. Wan Mohd. Zahid Nordin (1973) menyatakan bahawa pelajar daripada golongan yang mempunyai taraf sosioekonomi juga mampu mendapat kejayaan hingga ke peringkat

yang lebih tinggi. Pelajar-pelajar yang dibesarkan dalam persekitaran rumahtangga yang banyak rangsangan menunjukkan prestasi yang baik. Pendidikan bapa juga banyak mempengaruhi pencapaian dalam pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.

**Hipotesis 11: Perbezaan di antara tempat tinggal pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempat tinggal pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Hasil dapatan kajian ini mungkin disebabkan oleh latar belakang responden yang sebahagian besarnya datang daripada kawasan yang mempunyai ciri-ciri demografi yang sama iaitu dari kawasan luar bandar. Walaupun mereka yang datang dari kawasan luar bandar belajar di sekolah bandar tidak memperlihatkan perbezaan yang ketara dari segi pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Mungkin faktor-faktor lain seperti sikap dan kesedaran lebih mempengaruhi pencapaian berbanding dengan tempat tinggal pelajar.

Kebanyakan kawasan-kawasan luar bandar yang berhampiran dengan pekan di daerah Tuaran/Tamparuli telah mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air. Misalnya kemudahan jalan raya yang ada memudahkan pelajar-pelajar berkunjung ke bandar dan menggunakan kemudahan perpustakaan yang terdapat di kedua-dua bandar di daerah tersebut. Kemudahan-kemudahan asas yang terdapat menjadikan suasana persekitaran di kawasan luar bandar lebih kondusif. Di samping itu, pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas biasanya ditempatkan di asrama sekolah. Ini bermakna pelajar-pelajar berkenaan

dapat menikmati suasana pembelajaran yang lebih memberangsang dan selesa. Dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Meermen (1979) dan Mahmet dan Hoong (1986) yang menjelaskan tentang perbezaan pencapaian di kalangan pelajar-pelajar bandar dan luar bandar.

**Hipotesis 12 :Hubungan di antara bilangan beradik dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara bilangan adik beradik dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Ini bermakna bilangan adik beradik atau saiz keluarga mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar.

Bilangan adik beradik yang ramai boleh menjejaskan prestasi akademik pelajar-pelajar termasuklah pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Ini adalah mungkin disebabkan berlakunya suasana rumah yang tidak selesa kerana gangguan atau kebisingan yang akan mengurangkan tumpuan terhadap pembelajaran. Di samping itu, jumlah adik beradik yang ramai memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan ini menyebabkan perbelanjaan untuk membeli bahan-bahan rujukan dan kemudahan pembelajaran juga kurang terutama sekali di kalangan keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Jabatan Perancangan Keluarga Malaysia, saiz keluarga bergantung kepada peringkat pendidikan ibu iaitu pasangan yang menerima pendidikan tinggi mempunyai bilangan anak yang sedikit. Latar belakang responden menunjukkan kebanyakan mereka yang mempunyai bilangan adik beradik yang ramai. Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan oleh Douglas (1968) dan Banks (1987) menjelaskan bahawa golongan yang mempunyai taraf

sosioekonomi yang rendah berkecenderungan mempunyai bilangan anak yang ramai dengan harapan anak-anak ini akan dapat membantu kehidupan keluarga apabila mereka telah dewasa. Leong Yin Ching et al (1990) juga telah mendapati bahawa bilangan adik beradik yang ramai mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

**Hipotesis 13 : Perbezaan di antara tempat tinggal semasa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Kajian ini membuktikan tempat tinggal pelajar semasa belajar membawa perbezaan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Perbezaan ini mungkin disebabkan suasana persekitaran di rumah, asrama dan menumpang dengan orang lain seperti rumah kawan atau saudara mara adalah berbeza. Misalnya sistem atau suasana pembelajaran bagi pelajar-pelajar yang tinggal di asrama adalah lebih teratur dan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Sistem pentadbiran asrama adalah dipengaruhi oleh corak pentadbiran sesuatu sekolah. Menurut Douglas (1964) 'sekolah baik' boleh menjadi pampasan bagi defisit-defisit latar belakang tempat tinggal.

Manakala pelajar yang tinggal di rumah mungkin tidak terikat dengan suatu jadual pembelajaran yang teratur, malah biasanya pelajar-pelajar berkenaan terpaksa komited terhadap kerja-kerja dalam rumah atau dengan adik beradik yang lain. Suasana persekitaran di rumah menjadi lebih ketara jika pelajar-pelajar tersebut adalah dari golongan yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah di mana kemudahan-kemudahan asas tidak mencukupi. Selain daripada itu, kekurangan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik di setengah kawasan di daerah ini juga merupakan suatu halangan kepada proses pembelajaran di rumah.

Adalah didapati bahawa pelajar-pelajar yang tinggal di asrama mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar-pelajar yang tinggal di rumah sendiri atau menumpang dengan orang lain. Selain daripada sistem pembelajaran yang teratur, pelajar-pelajar asrama mempunyai aktiviti-aktiviti lain seperti perbincangan kumpulan. Aktiviti seperti ini mudah dijalankan kerana mereka lebih dapat berkumpul bersama rakan-rakan lain bagi membuat sebarang aktiviti sama ada yang dirancang oleh pelajar-pelajar itu sendiri atau pihak pentadbiran asrama. Ini dirancang dengan tujuan untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka. Kajian ini adalah konsisten kajian yang telah dilakukan oleh Meermen (1979) dan Leong Yin Ching (1990) yang mendapati bahawa pencapaian akademik dipengaruhi oleh tempat tinggal pelajar.

**Hipotesis 14 : Hubungan di antara jenis sekolah rendah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Hasil kajian ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis sekolah rendah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Jenis sekolah rendah mempunyai pengaruh terhadap pencapaian mata pelajaran Inggeris di mana didapati bahawa pencapaian pelajar yang belajar di sekolah rendah kebangsaan semasa belajar di sekolah rendah adalah lebih baik. Di samping itu, didapati juga bahawa pelajar yang mempunyai taraf sosioekonomi yang tinggi dan bersekolah di sekolah rendah kebangsaan mempunyai keputusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat PMR.

Hubungan yang signifikan ini mungkin disebabkan sejarah latar belakang sekolah-sekolah rendah kebangsaan yang merupakan bekas sekolah yang dikendalikan oleh mubaligh Kristian (Mission School) menggunakan Bahasa

Inggeris sebagai bahasa pengantar (Hussein Haji Ahmad, (1993). Laporan Keciciran (1973) telah mendapati perbezaan di antara sekolah rendah pengantar Inggeris dengan sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan. Di antaranya, ialah sekolah pengantar Inggeris jauh lebih baik dari segi kemudahan fizikal dan guru yang lebih berkelayakan. Mungkin sejarah latar belakang sekolah-sekolah rendah kebangsaan telah mempengaruhi sikap pihak pentadbir sekolah yang mahu mengekalkan identiti jenis sekolah tersebut sebagai sekolah yang mempunyai prestasi pencapaian Bahasa Inggeris yang lebih baik

Pencapaian pelajar yang bersekolah di sekolah kebangsaan semasa di peringkat sekolah rendah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris menunjukkan pencapaian yang rendah. Fenomena ini jelas berlaku terutama sekali sekolah-sekolah kebangsaan di kawasan-kawasan luar bandar. Ini bukan sahaja disebabkan oleh kurangnya pendedahan tentang penguasaan dan kemahiran terhadap bahasa tersebut tetapi juga disebabkan oleh masalah kekurangan guru Bahasa Inggeris yang mempunyai pengkhususan pengajaran Bahasa Inggeris di kawasan luar bandar. Oleh itu, guru-guru sandaran dan guru-guru yang bukan mengkhusus dalam pengajaran mata pelajaran tersebut dikehendaki mengajar sebagai alternatif mengatasi kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris. Ini bukan sahaja berlaku di sekolah-sekolah rendah malah di peringkat sekolah menengah. Masalah yang wujud dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah akan mempengaruhi pencapaian pelajar di peringkat sekolah menengah. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Leong Yin Ching (1990) yang menyatakan bahawa lokasi dan jenis sekolah rendah mempunyai pengaruh dalam pencapaian akademik pelajar. Kajian beliau mendapati pencapaian pelajar dari sekolah rendah

jenis kebangsaan Cina dalam mata pelajaran Matematik adalah lebih baik berbanding dengan jenis sekolah rendah yang lain.

**Hipotesis 15 : Hubungan di antara masa belajar Bahasa Inggeris dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara masa mula belajar Bahasa Inggeris dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Dapatan kajian membuktikan bahawa pendedahan penguasaan dan kemahiran Bahasa Inggeris mempengaruhi pencapaian pelajar dalam bahasa tersebut di peringkat yang lebih tinggi. Jika pelajar-pelajar terdedah dengan pembelajaran Bahasa Inggeris di peringkat kanak-kanak maka ia akan dapat menguasai bahasa itu dengan lebih baik di peringkat yang lebih tinggi. Sebahagian besar responden mula belajar Bahasa Inggeris semasa berada dalam darjah satu dan pelajar dari sekolah rendah jenis kebangsaan Cina semasa berada dalam darjah tiga. Pelajar-pelajar yang mula belajar Bahasa Inggeris semasa di tadika dan juga pelajar-pelajar bertutur Bahasa Inggeris di kalangan ahli keluarga menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam peperiksaan PMR.

Adalah didapati bahawa masa mula belajar Bahasa Inggeris ini dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi ibu bapa pelajar. Berdasarkan analisis ujian korelasi mendapati bahawa hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan masa mula belajar Bahasa Inggeris menunjukkan hubungan yang rapat. Ini adalah ibu bapa yang berpendidikan bukan sahaja lebih cenderung bertutur dalam Bahasa Inggeris kepada anak-anak mereka tetapi juga menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran Bahasa Inggeris. Hasil kajian ini adalah bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh S.N. Ng (1971) yang menyatakan bahawa kesan sosioekonomi terhadap

pencapaian akademik mula dikesan sejak di peringkat awal persekolahan kanak-kanak.

**Hipotesis 16 : Hubungan di antara kemudahan pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Inggeris PMR.**

Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kemudahan pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Kemudahan pembelajaran seperti buku-buku rujukan Bahasa Inggeris, bahan media elektronik, kursus motivasi, bengkel menjawab soalan, kelas tuisyen dan keselesaan tempat belajar mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Menurut Azman Wan Chik (1983) peranan bahan bacaan dapat menimbulkan minat serta menanam tabiat membaca adalah amat penting. Di samping itu, objektif penyediaan bahan-bahan bacaan adalah untuk 'pengkayaan' pengalaman dan bahasa pelajar-pelajar.

Ibu bapa yang mempunyai taraf sosioekonomi dapat menyediakan kemudahan-kemudahan material yang bersesuaian dengan pembelajaran berbanding dengan ibu bapa dari taraf sosioekonomi yang rendah. Latar belakang responden yang sebahagiannya terdiri daripada keluarga petani dan nelayan mungkin kurang berkemampuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran. Ini memberi implikasi dari segi pencapaian pelajar-pelajar dalam bidang akademik termasuklah mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Kekurangan bahan-bahan bacaan, media elektronik dan aktiviti-aktiviti peningkatan pencapaian Bahasa Inggeris bukan sahaja berpunca daripada masalah kedudukan sosioekonomi keluarga tetapi juga disebabkan kekurangan kemudahan asas seperti bekalan elektrik. Ini bermakna kemudahan seperti televisyen tidak dapat

dimiliki kerana tidak terdapat bekalan elektrik di kawasan tempat tinggal mereka terutama di kawasan-kawasan pedalaman. Oleh itu, pelajar-pelajar berkenaan kurang menerima pendedahan program-program pendidikan Bahasa Inggeris selain daripada yang mereka perolehi di sekolah. Mohamed Nor (1990) menyatakan bahawa anak-anak keluarga kelas pertengahan mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang lebih luas berkenaan dengan hal-hal luar rumah dan sekolah melalui bahan-bahan media seperti buku-buku dan majalah. Douglas (1964, 1968) juga menjelaskan bahawa pencapaian pelajar mempunyai hubungan dengan mutu kebendaan yang terdapat di sekeliling mereka.

**Hipotesis 17 : Hubungan di antara komitmen ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Berdasarkan kepada keputusan kajian didapati komitmen ibu bapa tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Mungkin sikap pelajar itu sendiri dan kemudahan pembelajaran lebih mempengaruhi pencapaian dalam Bahasa Inggeris. Sebahagian besar responden adalah dari keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah iaitu golongan petani dan nelayan. Ibu bapa dari taraf sosioekonomi yang rendah mempunyai aspirasi yang rendah terhadap pendidikan, namun ada di kalangan mereka mencapai kejayaan. Menurut Hyman (1954), dirujuk oleh T. Marimuthu (1990) menjelaskan bahawa ibu bapa dari kelas pekerja memberi nilai yang rendah terhadap pendidikan formal dan tidak terdorong untuk melihat anak-anak mereka melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Sikap setengah ibu bapa yang meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak sekolah untuk menentukan pencapaian akademik anak-anak mereka. Sikap

seperti ini perlu diketepikan, walaupun peranan pihak sekolah tidak seharusnya dipandang ringan dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang. Kajian yang dilakukan oleh Mahmet dan Hoong (1986) telah mendapati bahawa peluang pendidikan pelajar-pelajar dari golongan berpendapatan rendah terutama sekali di luar bandar adalah sangat kecil. Mereka juga menjelaskan bahawa pelajar bumiputera mempunyai aspirasi yang rendah terhadap pendidikan.

**Hipotesis 18 : Perbezaan di antara faktor sosioekonomi, demografi, kemudahan, sokongan, tempat tinggal dan lokasi sekolah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR.**

Analisis kajian yang melihat perbezaan faktor-faktor sosioekonomi, demografi, kemudahan, sokongan, tempat tinggal dan lokasi sekolah terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR telah menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan terhadap pembolehubah-pembolehubah tersebut. Gabungan faktor-faktor tersebut adalah penting dalam menentukan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris pelajar-pelajar. Ujian Analisis Regresi Berganda yang melihat faktor yang mempunyai pengaruh yang lebih tinggi, didapati bahawa faktor sosioekonomi yang diukur dari segi pekerjaan, pendapatan dan pendidikan ibu bapa merupakan faktor yang mempunyai pengaruh yang tertinggi sekali. Ini jelas membuktikan kepada kita bahawa taraf sosioekonomi keluarga memainkan peranan yang amat penting terhadap pencapaian Bahasa Inggeris terutama sekali di kalangan pelajar-pelajar luar bandar. Pengaruh faktor ini amat jelas dan bertepatan dengan latar belakang responden yang sebahagian besarnya adalah tinggal di luar bandar dan ibu bapa mereka bekerja sebagai petani dan nelayan mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pekerja akademik sama ada yang terdapat di luar mahu pun di dalam negara kita sendiri. Di antaranya ialah dapatan kajian Coleman (1970), Burstall et al (1974), Muriel Saville-Troike (1979), Baker dan Stevenson (1986), Quah May Ling et al (1995) dan Todd Rogers (1997) yang menyatakan faktor sosioekonomi adalah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji di dalam negara kita seperti Chandrasegaran (1979), Kementerian Pendidikan (1973, 1994), Abdul Aziz (1989), Leong Yin Ching (1990) dan lain-lain juga mendapati faktor sosioekonomi mempengaruhi pencapaian akademik.

## **5.2 Implikasi dan Cadangan**

Berdasarkan kepada dapatan kajian penyelidik dapat merumuskan beberapa implikasi dan cadangan yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi prestasi dan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan negeri Sabah amnya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh penyelidik di awal perbincangan bahawa pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sabah adalah yang terendah berbanding dengan mata pelajaran yang lain. Di antara implikasi dan cadangan untuk mengatasi masalah ini adalah seperti yang diuraikan di bawah.

1. Pengetahuan dan penguasaan asas dalam pembelajaran Bahasa Inggeris perlu diberi penekanan bermula pada peringkat awal persekolahan iaitu di peringkat sekolah rendah. Pelajar-pelajar perlu diberikan pendedahan yang kukuh dengan kemahiran pembelajaran bahasa seperti kemahiran membaca, menulis, mendengar

dan kemahiran lisan. Kemahiran-kemahiran ini penting sebagai persediaan menghadapi pembelajaran bahasa tersebut di peringkat sekolah menengah.

2. Memberi penekanan kepada pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti pembelajaran Bahasa Inggeris dengan sistematik agar dapat menarik minat pelajar-pelajar. Segala program dan aktiviti yang dilaksanakan perlu diselia oleh pihak pentadbir pendidikan untuk memastikan pelaksanaan memenuhi matlamat yang ditetapkan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumbalas tentang keberkesanan program atau aktiviti dalam usaha mengatasi kelemahan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.

3. Penglibatan guru-guru terutama guru Bahasa Inggeris adalah amat penting dalam usaha membantu pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi yang rendah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Kaedah pengajaran yang sesuai perlu dirancang agar pelajar-pelajar berkenaan tidak ketinggalan berbanding dengan pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi yang lebih baik.

4. Pihak sekolah dan ibu bapa perlu mewujudkan suasana persekitaran yang mendorong minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris. Penyediaan kemudahan-kemudahan dan alat-alat yang boleh menimbulkan minat pelajar-pelajar. Bilik sumber dan makmal bahasa perlu disediakan di sekolah-sekolah untuk kemudahan pembelajaran atau rujukan pelajar. Penyediaan buku-buku rujukan, majalah, jurnal, surat khabar dan lain-lain bahan rujukan yang sesuai harus dipertingkatkan untuk membantu pelajar menambahkan pengetahuan dan perbendaharaan kata dalam Bahasa Inggeris.

5. Pencapaian rendah di kalangan pelajar-pelajar luar bandar dalam mata pelajaran tersebut perlu diatasi dengan segera. Masalah yang dikenalpasti ialah

kurang pendedahan kemahiran asas Bahasa Inggeris. Ini menyebabkan mereka tidak berminat terhadap mata pelajaran tersebut. Guru-guru terlatih dalam pengajaran Bahasa Inggeris harus dibekalkan agar masalah kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris di kawasan luar bandar dapat diatasi. Kemudahan-kemudahan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar juga perlu ditambah.

6. Program pembangunan luar bandar juga perlu dilaksanakan dengan segera seperti menyediakan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air, kemudahan perpustakaan desa dan sebagainya. Di samping program pembangunan yang dapat membantu golongan yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah agar mereka dapat meningkatkan pendapatan dan memperbaiki taraf kehidupan keluarga.

7. Pihak sekolah harus menyediakan program seperti kem motivasi, bengkel/teknik menjawab soalan, kelas bimbingan dan kelas tambahan. Program ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang tidak mampu menghadiri kelas tuisyen Bahasa Inggeris yang disediakan oleh pihak swasta atau orang perseorangan.

8. Meningkatkan kerjasama di antara pihak sekolah dan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG). Kerjasama yang erat di antara kedua-dua pihak dapat membantu mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan masalah-masalah pembelajaran, disiplin dan aktiviti pembangunan dan perkembangan iklim sekolah.

9. Program seperti ceramah atau kursus kesedaran tentang perkembangan dan kepentingan pendidikan di kalangan ibu bapa perlu diadakan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan luar bandar yang kurang terdedah kepada perkembangan bidang pendidikan. Ibu

bapa dapat menyedari akan tanggungjawab mereka untuk menjadikan anak-anak mereka berjaya dalam bidang akademik. Dengan kata lain, ini dapat mengikis sikap dan tanggapan ibu bapa yang meletakkan tanggungjawab sepenuhnya terhadap peranan guru sebagai penentu kejayaan akademik anak-anak mereka.

### **5.3 Masalah Penyelidikan**

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi dalam menjalankan penyelidikan ini. Di antaranya adalah seperti berikut.

1. Responden kajian ini adalah terhad iaitu hanya 120 orang pelajar tingkatan empat. Bilangan responden yang terhad menyebabkan hasil kajian tidak dapat memberikan gambaran yang sepenuhnya terhadap jawapan kepada permasalahan penyelidikan ini.
2. Masa mengedarkan borang soal selidik adalah tidak sesuai. Kajian ini dijalankan beberapa minggu sebelum penggal pertama persekolahan berakhir. Oleh itu sewaktu penyelidik mengedarkan borang soal selidik kebanyakan sekolah sedang menjalankan peperiksaan penggal pertama. Ini mungkin boleh mempengaruhi jawapan responden terhadap persoalan-persoalan kajian.
3. Masa untuk menyiapkan projek penyelidikan adalah terhad iaitu hanya 3 bulan sahaja. Ini menyebabkan penyelidik tidak dapat menjalankan penyelidikan yang lebih luas dan menyeluruh ke atas sampel kajian.
4. Peruntukan yang diterima untuk menjalankan penyelidikan hanya RM1000.00 sahaja yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
5. Kajian hanya melibatkan beberapa pembolehubah seperti latar belakang keluarga sosioekonomi, sokongan dan kemudahan pembelajaran dan komitmen ibu

bapa pelajar. Mungkin banyak lagi pembolehubah yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris.

#### **5.4 Cadangan-cadangan untuk kajian akan datang**

Di antara cadangan-cadangan penyelidikan pada masa akan datang yang berkaitan dengan tajuk ini adalah seperti berikut.

1. Penyelidik mencadangkan agar penyelidikan secara mendalam berkaitan dengan tajuk ini untuk mengenalpasti faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah.
2. Kajian ini dijalankan di daerah yang sebahagian besar pelajarnya berasal dari kawasan luar bandar. Oleh itu adalah dicadangkan agar kajian dijalankan di sekolah-sekolah bandar dan melibatkan sepenuhnya pelajar yang tinggal di bandar besar.
3. Kajian masa akan datang perlu melibatkan sampel kajian yang lebih besar dan melibatkan beberapa daerah yang berbeza dari segi latar belakang masyarakatnya. Ini bertujuan untuk memperolehi kesahan yang lebih menyeluruh dan tepat.
4. Penyelidikan juga dicadangkan untuk memastikan sama ada pembolehubah dalam kajian ini signifikan atau tidak dalam terhadap pencapaian prestasi dalam mata pelajaran yang lain.

## 5.5 Rumusan

Kajian ini menumpukan kepada seramai 120 orang pelajar tingkatan empat di empat buah sekolah gred A di daerah Tuaran/Tamparuli. Secara umumnya, kajian ini telah cuba untuk mencari punca pencapaian yang rendah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris terutama sekali pencapaian PMR. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa faktor sosioekonomi mempunyai hubungan yang signifikan iaitu mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris PMR. Walaupun, faktor-faktor demografi, kemudahan pembelajaran dan sokongan mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar dalam pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris, namun penyelidik berpendapat bahawa faktor-faktor ini mempunyai kaitan dengan taraf sosioekonomi ibu bapa pelajar. Dengan kata lain, taraf sosioekonomi mempengaruhi sikap dan persepsi ibu bapa serta penyediaan kemudahan pembelajaran. Ibu bapa yang mempunyai taraf sosioekonomi yang tinggi mengetahui lebih banyak maklumat tentang peluang-peluang pendidikan masa depan anak-anak mereka dan mampu menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran berbanding dengan ibu bapa daripada taraf sosioekonomi yang rendah. Namun demikian, perubahan sikap dan persepsi ibu bapa sama ada daripada golongan yang mempunyai taraf sosioekonomi yang tinggi dan mahu golongan taraf sosioekonomi rendah juga merupakan faktor penting. Oleh itu, tidak menghairankan jika terdapat pelajar-pelajar daripada golongan yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah juga menunjukkan pencapaian yang baik dalam bidang akademik.

Dapatan kajian ini juga telah mendapati bahawa lokasi sekolah dan tempat tinggal pelajar yang merujuk kepada latar belakang bandar dan luar bandar tidak

mempunyai perbezaan yang signifikan. Kebanyakan penyelidik yang lalu telah membuktikan bahawa lokasi sekolah dan tempat tinggal mempunyai pengaruh terhadap pencapaian akademik pelajar iaitu pencapaian pelajar bandar adalah lebih baik berbanding dengan pencapaian pelajar luar bandar. Ini bermakna terdapat faktor-faktor lain yang lebih mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Salah satu sebab utama yang mungkin menyebabkan dapatan kajian ini tidak selaras dengan dapatan-dapatan sebelumnya ialah responden kajian yang tidak dapat mewakili secara tepat kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar. Sebahagian besar pelajar-pelajar di kedua-dua daerah Tuaran/Tamparuli adalah pelajar luar bandar. Begitu juga halnya dengan kaum yang terdapat di daerah ini iaitu sebahagian besar kaum Kadazan/Dusun dan Bajau. Hanya terdapat sebilangan kecil sahaja kaum lain iaitu kaum Cina.

Suasana kehidupan masyarakat di daerah Tuaran/Tamparuli adalah tidak menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan mereka seharian berbanding dengan suasana yang terdapat di bandar besar seperti bandar Kota Kinabalu. Walaupun, kajian ini tidak dapat memberi gambaran yang tepat dan menyeluruh namun demikian, kajian ini sekurang-kurangnya dapat memberi gambaran awal tentang latar belakang pelajar-pelajar di kawasan ini dan pengaruhnya terhadap pencapaian akademik pelajar bukan sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris tetapi juga dalam mata pelajaran yang lain.

## BIBLIOGRAFI

### Sumber Bercetak

- Abdul Aziz, (1989), *Student Background and the Academic Achievement of Primary School Students in Rural Peninsular Malaysia*. Doctoral Dissertation. University of California, Los Angeles.
- Ahmad Mahdzan Ayob, (1997). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, edisi kedua, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. ms 55-56.
- Ainon Ahmad, (1985). Bahasa Asing Membesarkan Jurang Bandar-Desa, dalam *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*, Kuala Lumpur: Lohprint Sdn Bhd
- Amy Sujak, (1979). *Exposure and Achievement In English Among Malay Medium Trainees Of Maktab Perguruan Bahasa*, Kuala Lumpur Malaysia, Singapore : SEAMEO Regional Centre.
- Anderson, E.L, (1994). *The Effect Of parental Involment On Academic Achievement*, Walden University, USA.
- Asmah Haji Omar. (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asraf. (1996). *Manifesto Budaya : Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa* . Kuala Lumpur : Lohprint Sdn. Bhd.
- Awang Had Salleh. (1986). *Ke Arah Pencapaian Akademik yang Cemerlang di Kalangan Pelajar Bumiputera Melalui Kaunseling. Seminar Kedua Kaunseling Dalam Konteks Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputera di Tanahair*. Universiti Sains Malaysia, Pualau Pinang.
- Bailey, K.D, (1984). *Kaedah Penyelidikan Sosial: Terjemahan Hashim Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, D. & Stevenson, D. (1986). *Mother's Strategies for Children's School Achievement : Managing the Transition to High School*. Sociology of Education.
- Banks, olive, (1987). *Sosiologi Pendidikan*. Terjemahan Robiah Sidin Dan Zaiton Sidin, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bourdieu, P. (1971). *System of Education and Syste of Thought*. In M.F.D Young (Ed), *knowledge and Control*. London : Collier.
- Bourdieu, P & Passeron, J.C, (1979). *The Inheritors: French Students and Their Relation to Culture*, Chicago: The University of Chicago Press.

- Burstell, Clare Jamieson, et. al, (1974). *Primary French In The Dalarice* : Windosor, NFER Publishing Company Bhd.
- Chandrasegaran, A, (1979). *Problem of Learning English In National school In Johore Malaysia : An Investigation Attitudes: Motivational Variables, Learning Strategy and Exposure to English*, Unpublished M.A, Dissertation, University Of Singapore.
- Coleman, J.S. (1988). *Social Capital and the Creation of Human Capital*. American Journal Of Sociology.
- \_\_\_\_\_. (1966). *Equality of Educational Opportunity*. Washington D.C : Us Government Printing Office.
- Douglas, J.W.B, (1964). *The Home and the School*, London: Mac Gibbon.
- \_\_\_\_\_, (1968). *All Our Future*, London: Peter Davies.
- Ee Ah Meng, (1996). *Pendidikan Di Malaysia I : Falsafah Pendidikan, Guru Dan sekolah (Semester I)*, Shah Alam : Fajar Bakti.
- Entwisle, D.R, Alexander, K.L & Olson, L.S, (1997). *Children, Schools & Inequality*, USA: Westview Press.
- Garcia, R.L, (1991). *Teaching in a Pluralistic Society, Concepts, Models, Strategies*, 2nd Edition, Kansas State University : Harper Collins Publishers.
- Gardner, R.C, et ,al, (1976). *Second Language Learning : A Social Psychological Perspective*, Canadian Modern Language Review.
- Halsey, A.H, Floud, J & Anderson, C.A, (1987). *Education, Economy and Society : A Reader in the Sociology of Education*, New York : The Press.
- Hamzah Hj. Mohemmad, (1979). *Home Environment and the Achievement In English Language Learning In Plural Areas Kelantan*: Singapore SEAMEO Regional Language Centre.
- Hazil Abdul Hamid, (1990). *Sosiologi Pendidikan : Dalam Perspektif Pembangunan Negara*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hussein Hj. Ahmad, (1983). *The Impact of social Environment, Background Charateristics and classroom Streaming on School Achievement : A multivariate Analysis*, dalam jurnal Nusantara, No-10. Januari, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_, (1993). *Pendidikan Dan Masyarakat : Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Ibrahim Saad, (1986). *Isu Pendidikan Di Malaysia*, Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibrahim Abu Shah, (1995). *Kesedaran dan Persepsi Pelajar Luar bandar Terhadap pembangunan Sumber Manusia Di sarawak*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. ms 15-21
- Isahak Haron, (1983). Socio-economic Status And Educational Achievement in a Plural Society: Peninsular Malaysia, dalam *Fikiran-Fikiran Mengenai Pendidikan Di Malaysia*: Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Jais Sahok & Mat Nor Husin, (1990). *Pendidikan Pemulihan*, Petaling Jaya Selangor : Masa Enterprise. ms.30
- Jamalludin Ishak, (1992). Arah dan Kemungkinan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua, dalam *Aliran dan Amalan Pendidikan Menjelang Abad ke 21*, UKM Bangi.
- Juriah Long, Halimah Badioze Zaman, Putih Mohamed, Zalizan Mohd. Jelas. (1992). *Aliran Dalam Amalan Pendidikan Menjelang Abad ke 21*, UKM, Bangi.
- Kajian Kelemahan Pelajar-pelajar UKM*. (1983) : Unit Perhubungan Pelajar, UKM.
- Kamarudin Hj. Kachar. (1984). *Pendidikan Dan Dasar Ekonomi Baru : Antara Harapan Dan Pencapaian Matlamat diri, aspek Kuantiti dan kualiti. Konpen IX*: Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- \_\_\_\_\_. (1989). *Pendidikan Dan Masyarakat*. Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (1982). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (1973). *Kajian Keciciran*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khoo Phon Sai, Leong Yin Ching, Koh Boh Boon, (1983). *Fikiran-Fikiran Mengenai Pendidikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Lee Lai ngoh, (1993). *Pengaruh Keluarga Terhadap Pencapaian Pelajar Di Sekolah Menengah Rendah*, dalam Abstrak Tesis Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Leong Yin Ching, (1990). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Di sekolah-Sekolah Malaysia*, Thesis Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Maccoby, E, & Martin, J. (1983). *Socialization in the Context of Family : Parent-Child Interaction*. In P.Mussen (Ed), *Handbook of Child Psychology* (4th edition), Vol. 4 New York : Wiley.
- Mahmet,O., & Hoong, Y.Y. (1986). *Human Capital Formation In Malaysian Universities*, Kuala Lumpur : OUP.
- Meermens, J. (1979). *Public Expenditure In Malaysia : Who Benefits and Why?* New York : OUP
- Ministry of Education Malaysia, (1994). *Drop-Out & Low Achievement, Case Studies in Selected Primary School In Malaysia*, Educational Planning And Research Division.
- Mohamed Nor Che Nor, (1990). *Asas-Asas Pendidikan Satu Pengenalan*, Flo Enterprise Sdn Bhd.
- Mohd. Majid Konting, (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd. Zain Zon, (1980). *Pengamatan Ibu Bapa Terhadap Peranan Mereka Dan Kaitannya Dengan Pencapaian Akademik Anak-anak Mereka*, Unpublished M.E.D Thesis Univerisiti Sains Malaysia.
- Mohd. Nor Long, (1978). *Perkembangan Pelajaran Di Sabah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ng, S.N, (1971). *Socio-economic Status and School Achievement In A Primary School In Malaysia*, *Malaysian Journal Of Education*.
- Nik Azis Nik Pa, (1988). *Isu Dan Cabaran Dalam Kepimpinan Profesional Pendidikan di Peringkat Sekolah*. *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Noor Azmi Ibrahim, Murugiah, Vijaya et,al, (1977), *Socio-economy and cultural Factors Affecting Motivation In The Learning Of English : Upper Secondary Schools In Johore*, West Malaysia, singapore : SEAMEO Regional Language Centre.
- Noorman, R.D, (1976), *School Resources, Social Class And Student Achievement*, Sweden : Almgrist and Wiksell International.
- Norusis, M.J. (1994). *SPSS 6.1 Guide to Data Analysis*. New Jersey : Prentice-Hall Inc.
- Omar Mohd. Hashim, (1993). *Pendidikan : Persoalan, Penyelesaian Dan harapan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Oppenheim, A.N. (1983). *Questiannaire Design and Attitude Measurement*. London: Heinemann Educational Books Ltd.

- Quah May Ling, Pamela Sharpe, Audrey Lim, Swee Eng and Mary Anne Heng, (1995), *Home and Parental Influences on the Achievement of Lower Primary School Children in Singapore*, National Institute of Education, Singapore Journal Of Education Vol. 15 No.2.
- Rumberger, R.W, (1983). *Dropping Out Of High School : The Influence Of Sex, Race and Family Background*, American Sociological Review Vol. 20 (2).
- Saedah Hj. Siraj, Shahril Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing, (1993). *Pendidikan Di Malaysia*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Savile - Troike, Muriel, (1979). *Culture Language And Education : Biligual Multicultural Education and Profesional : From Theory To Practice*, ed By Henry T. treuba & Carol Mizrahi Rowley, Mass, Newbary House.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business : A Skill Building Approach*. New York : John Wiley & Son.
- Sewell, W.H & Hanser, R.M, (1975). *Education, Occupation And Earnings : Achievement In The Early Career*, New York : Academic Press.
- Shaharir Mohamed Zain, (1994), Benturan dua Budaya dalam Pembangunan Sains dan Teknologi di Malaysia, dalam *Manifesto Budaya: Pupas Bahasa Pupaslah Bangsa*, Kuala Lumpur : Lohprint Sdn Bhd.
- Sharifah Md. Nor, (1991). *Faktor-faktor Latar belakang yang Berkaitan Dengan Pencapaian Akademik Murid Darjah Satu*, Jurnal Pendi dan Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Siti Noor Yaakob, (1990). *Perkaitan Beberapa Faktor Latar Belakang Keluarga Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*, Jurnal Pendidikan Guru, BPG, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 6.
- T. Marimuthu. (1996). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan.Edisi Ketiga*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tan Lay Eng, (1993). *Satu Kajian Kes Untuk Meninjau Persepsi Mata Pelajaran Matematik Moden Pilihan C di Sekolah Menengah Vokasional Alor Setar*. Tesis B. Tech, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Yahaya Mahamood, (1992). *Statistik Inferensi Untuk Sains Tingkah Laku*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Sumber Elektronik**

- Todd Rogers W, (1997). *Sosio-economic Status Strong Predictor of Performance*, The Publication of The Alberta Teachers' Association, Vol. 32. No.3.

LAMPIRAN A

**SEKOLAH SISWAZAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**SOAL SELIDIK**

Kod		
01	02	03

*Pelajar yang dikasihi,*

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai faktor sosioekonomi mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar tingkatan empat. . Sila jawab soalan-soalan berikut secara jujur dan tepat dengan menandakan ( X ) atau tulis jawapan pada ruangan jawapan yang disediakan. Segala kenyataan yang anda berikan adalah sulit dan akan diproses secara kumpulan. Kerjasama anda adalah amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

*Lokuin bt.Gintos*  
Sekolah Siswazah UUM

Nama Sekolah : \_\_\_\_\_

Tingkatan Empat : \_\_\_\_\_

Jantina : Lelaki ( )

Perempuan ( )

---

**Bahagian A : Latar belakang keluarga**

1. Pekerjaan Bapa : \_\_\_\_\_

2. Pekerjaan Ibu : \_\_\_\_\_

3. Bangsa :
- |               | Bapa | Ibu |
|---------------|------|-----|
| Melayu        | ( )  | ( ) |
| Kadazan/Dusun | ( )  | ( ) |
| Bajau         | ( )  | ( ) |
| Murut         | ( )  | ( ) |
| Cina          | ( )  | ( ) |
| India         | ( )  | ( ) |
| Lain-lain     | ( )  | ( ) |
- Nyatakan : Bapa : \_\_\_\_\_ Ibu : \_\_\_\_\_

4. Bahasa pertuturan anda di rumah.

Bahasa Melayu	( )
Bahasa Inggeris	( )
Bahasa Kadazan/Dusun	( )
Bahasa Bajau	( )
Bahasa Murut	( )
Bahasa Cina	( )
Lain-lain	( )

Nyatakan : \_\_\_\_\_

5. Jumlah pendapatan sebulan.
- |                         | Bapa | Ibu |
|-------------------------|------|-----|
| Kurang RM 500.00        | ( )  | ( ) |
| RM 501.00 - RM 2000.00  | ( )  | ( ) |
| RM 2001.00 - RM 3500.00 | ( )  | ( ) |
| RM 3500.00 - RM 5000.00 | ( )  | ( ) |
| Lebih RM 5000-00        | ( )  | ( ) |

6. Kelayakan akademik.
- |                      | Bapa | Ibu |
|----------------------|------|-----|
| Tamat sekolah rendah | ( )  | ( ) |
| SRP/LCE              | ( )  | ( ) |
| SPM/MCE              | ( )  | ( ) |
| STPM/HSC             | ( )  | ( ) |
| Diploma              | ( )  | ( ) |
| Universiti           | ( )  | ( ) |
| Lain-lain            | ( )  | ( ) |

Nyatakan : Bapa : \_\_\_\_\_ Ibu : \_\_\_\_\_

7. Di manakah tempat tinggal anda?
- Bandar ( )  
Luar bandar ( )
8. Tempat tinggal anda semasa belajar.
- Rumah ( )  
Asrama ( )  
Lain-lain ( )  
Nyatakan : \_\_\_\_\_
9. Siapakah penjaga anda sekarang?
- Kedua-dua ibu bapa ( )  
Bapa ( )  
Ibu ( )  
Lain-lain ( )  
Nyatakan : \_\_\_\_\_
10. Bilangan adik beradik termasuk anda.
- Anak Tunggal ( )  
2 - 3 orang ( )  
4 - 5 orang ( )  
6 - 7 orang ( )  
lebih 7 orang ( )
11. Jenis sekolah semasa belajar di sekolah rendah.
- Sekolah Kebangsaan (SK) ( )  
Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) ( )  
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) ( )  
Lain-lain ( )  
Nyatakan : \_\_\_\_\_
12. Bila anda mula belajar Bahasa Inggeris?
- Tadika ( )  
Darjah Satu ( )  
Lain-lain ( )  
Nyatakan : \_\_\_\_\_

**Bahagian B : Sokongan dan kemudahan yang dimiliki yang dapat membantu pembelajaran**

13. Berapa banyak buku Bahasa Inggeris yang ada di rumah selain daripada buku-buku teks?

Tidak ada ( )  
1 buah ( )  
2 buah ( )  
3 buah ( )  
Lebih 4 buah ( )

14. Berapa kalikah anda mengikuti kursus/kem motivasi?

Tidak pernah ( )  
1 kali ( )  
2 kali ( )  
3 kali ( )  
Lebih 4 kali ( )

15. Berapa kalikah anda menyertai bengkel/teknik menjawab soalan Bahasa Inggeris selain daripada yang dianjurkan oleh pihak sekolah ?

Tidak pernah ( )  
1 kali ( )  
2 kali ( )  
3 kali ( )  
Lebih 4 kali ( )

16. Kemudahan-kemudahan media elektronik yang dimiliki yang dapat membantu pembelajaran Bahasa Inggeris di rumah.

Televisyen/Video ( )  
Radio/kaset ( )  
Komputer/CD-ROM ( )  
Lain-lain ( )

Nyatakan : \_\_\_\_\_

17. Adakah anda mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris selain daripada yang dianjurkan oleh pihak sekolah?

Ya ( )  
Tidak ( )

18. Adakah anda mempunyai tempat belajar yang selesa di rumah?

Ya ( )

Tidak ( )

**Bahagian C : Penglibatan Ibu bapa terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris**

Soalan-soalan berikut memberikan ulasan mengenai penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian Bahasa Inggeris. Fikirkan dengan teliti berdasarkan pengalaman anda seharian dan bulatkan pilihan yang difikirkan sesuai seperti dalam jadual di bawah.

Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Setuju	3
Sangat Setuju	4

- |   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|
| 19. Ibu bapa saya berasa bangga apabila anak-anaknya mendapat gred yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.  | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 20. Ibu bapa saya mengingatkan anak-anaknya supaya menyelesaikan kerja rumah.                                       | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 21. Ibu bapa saya menyediakan masa yang cukup untuk berbual-bual dengan anak-anaknya.                               | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 22. Ibu bapa saya membeli alat bantu belajar dalam Bahasa Inggeris.   | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 23. Ibu bapa saya menggalakkan anak-anaknya supaya belajar bersungguh-sungguh dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 24. Ibu bapa saya membeli buku-buku rujukan Bahasa Inggeris.  | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 25. Ibu bapa saya yakin dengan kebolehan anak-anaknya.  | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 26. Ibu bapa saya membantu anak-anaknya memahami latihan Bahasa Inggeris.   | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 27. Ibu bapa saya bertanya kepada anak-anaknya banyak hal tentang persekolahan mereka.                              | 1 | 2 | 3 | 4 |

- |  |   |   |   |   |
|--|---|---|---|---|
| 28. Ibu bapa saya menggalakkan anak-anaknya belajar sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.                   | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 29. Ibu bapa saya memberikan hadiah kepada anak-anaknya yang mendapat keputusan baik dalam Bahasa Inggeris.    | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 30. Ibu bapa saya mengharapka anak-anaknya dapat mempelajari Bahasa Inggeris dengan baik.                      | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 31. Ibu bapa saya mendorong anak-anaknya memilih kerjaya yang memerlukan penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 32. Ibu bapa saya menghantar anak-anaknya ke kelas tuisyen Bahasa Inggeris.                                    | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 33. Ibu bapa saya menyemak rekod prestasi Bahasa Inggeris anak-anak setiap bulan.                              | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 34. Ibu bapa saya menggalakkan anak-anaknya menonton rancangan televisyen pendidikan Bahasa Inggeris.          | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 35. Ibu bapa saya berbincang dengan guru Bahasa Inggeris mengenai prestasi anak-anaknya.                       | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 36. Ibu bapa saya melibatkan diri secara aktif di dalam PIBG.  | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 37. Ibu bapa saya berusaha untuk memberi peluang yang lebih baik kepada anak-anaknya.                          | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 38. Ibu bapa saya sentiasa menggalakkan anak-anaknya bertutur dalam Bahasa Inggeris.                           | 1 | 2 | 3 | 4 |

**Bahagian D : Pencapaian Akademik**

39. Nyatakan gred mata pelajaran Bahasa Inggeris anda di peringkat peperiksaan PMR 1997?

- |   |     |
|---|-----|
| A | ( ) |
| B | ( ) |
| C | ( ) |
| D | ( ) |
| E | ( ) |



LAMPIRAN B  
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN  
DASAR PENDIDIKAN (BPPDP),  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Paras 2.3 & 5, Blok J  
PUSAT BANDAR DAMANSARA,  
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03-2583204  
Faks : 03-2554960

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 Jld.49(331)  
Tarikh : 14 April 1998.

Cik Lokuin bt. Gintos,  
Sekolah Siswazah,  
Universiti Utara Malaysia,  
06010 Sintok,  
KEDAH.

Tuan/Puan

*Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab  
Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah  
Kementerian Pendidikan Malaysia*

---

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan  
tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

“Faktor Sosio-Ekonomi Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar  
Dalam Mata pelajaran Bahasa Inggeris”

telah diluluskan

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan  
penyelidikan yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi  
menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua  
Bahagian/Pengarah Pendidikan negeri yang berkenaan. Sila kemukakan  
ke Bahagian ini senaskah laporan kajian tuan/puan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DR. ABD. KARIM BIN MD. NOR)  
b.p. Pengarah,  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.

Pengarah,  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

Dekan,  
Sekolah Siswazah,  
UUM.



**PEJABAT TIMBALAN PENGARAH  
JABATAN PENDIDIKAN SABAH,  
TINGKAT 5, RUMAH PERSEKUTUAN,  
JALAN MAT SALLEH,  
88604 KOTA KINABALU,  
SABAH, MALAYSIA**

Telefon : 088-259691  
088-232277  
samb.4148

Faks : 088-215835

E-mail :  
drhamdan@sab.moe.gov.my

Ruj.Tuan :  
Ruj.Kami : *JP(Sb)/06(Pentd)/01*  
Tarikh : *23 April 1998*

**PUAN LOKUIN B. GINTOS  
SMK. TUN FUAD STEPHENS  
BEG BERKUNCI NO. 5  
89259 TAMPARULI**

*Puan,*

**PERMOHONAN MELAKSANAKAN PROJEK PENYELIDIKAN**

*Dimaklumkan bahawa kebenaran adalah diberi kepada Puan untuk menjalankan kajian "Faktor Sosioekonomi Dan Hubungan Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Matapelajaran Bahasa Inggeris" di sekolah-sekolah menengah daerah Tuaran dan Tamparuli.*

*2. Bagaimanapun, kelulusan ini adalah tertakluk kepada Puan menepati syarat-syarat yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia serta perkara-perkara berikut:*

- 2.1. Kajian tidak mengganggu perjalanan P & P di sekolah terlibat;*
- 2.2. Tidak ada unsur paksaan dalam melibatkan pelajar-pelajar sebagai sampel kaji*
- 2.3. Sebarang data/maklumat yang diberi diguna hanya untuk keperluan kajian.*
- 3. Sekian dan sila tunjukkan surat ini semasa menghubungi Pengetua.*

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Saya yang menurut perintah,*

**(DR. HAMDAN HAJI MOHAMMED)  
Timbalan Pengarah Pendidikan  
b.p. Pengarah Pendidikan Sabah**

DHHM/rt



## UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM, Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel : 04 - 9241801 - 8 Cable : UTAMAS Telex : MA 42052 Fax/DL : 04 - 9241641

*Sekolah Siswazah*

UUM/SS/T-13/1

11 Januari 1998

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Adalah disahkan bahawa Lokuin bt. Gintos, no. matrik 80569 adalah pelajar siswazah program Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB di Universiti ini.

Beliau perlu mengutip serta mengumpul data/maklumat daripada berbagai sumber yang telah dikenalpasti untuk membolehkan beliau memenuhi keperluan penyediaan kerja kursus.

Sehubungan itu, kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama dan bantuan kepada beliau dalam usaha tersebut.

  
(AZAHARI AZMI)  
b.p. Dekan

s.k. Fail Pelajar

s-siapa/Erc/hl